

Terma dan Syarat Perbankan Dalam Talian dan Mudah Alih dan Hong Leong Connect

Untuk Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian dan Mudah Alih Peribadi Penggunaan dan akses Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian dan Mudah Alih Hong Leong Connect (“Connect”) anda adalah tertakluk pada Terma dan Syarat berikut.

1.0 Am

Terma dan Syarat berikut mentadbir semua perkhidmatan **Connect** yang disokong oleh perbankan dalam talian untuk aplikasi pada peranti elektronik pegang seperti telefon pintar dan/atau tablet dan disediakan oleh Hong Leong Bank Berhad (“HLBB”) atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) kepada anda tertakluk pada terma dan syarat yang terkandung.

2.0 Definisi dan Interpretasi

2.1 Definisi

Terma dan syarat berikut mempunyai maksud yang ditentukan melainkan konteksnya memerlukan maksud yang lain:-

"Akaun"	bermaksud akaun bank atau akaun-akaun (termasuk kad kredit, akaun pinjaman/pembiayaan dan akaun pelaburan) yang anda ada atau mungkin ada dengan HLBB/HLISB yang dipaut pada Connect pada bila-bila masa dan daripada masa ke semasa dan Akaun hendaklah merujuk pada satu atau lebih akaun sebagaimana yang dikehendaki oleh konteks.
"Pelanggan Bank yang Terjejas"	bermaksud Pelanggan yang Akaun mereka telah didebitkan atau dikreditkan secara ralat disebabkan kesilapan atau Arahan Pembayaran Palsu yang disebabkan oleh Peserta yang lain, Pelanggan atau PayNet.
"Pengebil yang Terjejas"	bermaksud Pembil yang menerima Arahan Pembayaran Palsu dan/atau dana yang silap disebabkan oleh kesilapan Peserta lain, Pelanggan atau PayNet.
"Peserta yang Terjejas"	bermaksud Peserta yang menerima Arahan Pembayaran Palsu dan/atau dana yang silap disebabkan oleh kesilapan Peserta lain, Pelanggan atau PayNet.
"Anggota Gabungan"	bermaksud mana-mana entiti, syarikat, perbadanan atau institusi yang menawarkan produk, perkhidmatan, kandungan atau maklumat mengenai Connect dari semasa ke semasa.
"AppAuthorise"	bermaksud ciri pengesahan transaksi bagi transaksi bukan-kegemaran yang berjumlah RM10,000 dan ke atas.
"Saluran Perhubungan yang Diluluskan"	bermaksud saluran perhubungan (termasuk tetapi tidak terhad kepada telefon, komputer atau apa-apa cara elektronik yang diluluskan oleh HLBB/HLISB dari semasa ke semasa dan yang memerlukan pengesahan kod keselamatan yang diperlukan untuk saluran komunikasi masing-masing) yang boleh anda gunakan untuk mengeluarkan Arahan kepada HLBB/HLISB.
"Pihak Berkuasa yang Wajar"	bermaksud sebarang pihak berkuasa kerajaan atau percukaian.
"ATM"	bermaksud "Automated Teller Machine", iaitu terminal elektronik yang dipasang oleh HLBB/HLISB atau mana-mana ahli Konsortium MEPS untuk anda melaksanakan transaksi perbankan. Ia menerima Kad ATM/Debit atau mana-mana kad lain yang diluluskan untuk penggunaan melalui ATM oleh HLBB/HLISB.
"Kad ATM"	ialah kad pembayaran yang diberikan kepada anda oleh HLBB/HLISB yang membolehkan anda melaksanakan transaksi perbankan di mana-mana terminal ATM dan poin jualan.

"Bank"	bermaksud institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan/atau Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
"Pembayaran Berkumpulan"	bermaksud pembayaran yang dibuat kepada satu atau lebih Pembil mengikut kumpulan dan menggabungkan Arahan Pembayaran individu dan secara kolektif menghantar Arahan Pembayaran ini mengikut masa yang dijadualkan.
"Bil"	bermaksud butiran penyata wang yang terhutang, atau permintaan pembayaran, bagi pembelian barangan, peruntukan perkhidmatan dan/atau apa-apa transaksi perniagaan yang lain.
"Pembayaran Bil"	bermaksud pembayaran bil, polisi, pembelian e-dagang yang mungkin dibuat oleh anda kepada Korporat Penerima melalui Connect atau kepada Pembil menggunakan kemudahan Pembayaran Bil JomPAY melalui Connect.
"Pengebil"	bermaksud agensi Kerajaan, badan berkanun, perniagaan empunya tunggal atau perkongsian, syarikat atau organisasi, pertubuhan, badan amal yang menyertai Skim untuk mengutip Pembayaran Bil.
"Bank Pengebil"	bermaksud Peserta yang dilantik oleh Pembil untuk memudahkan kutipan pembayaran Bil bagi Pembil melalui JomPAY.
"Kod Pengebil"	bermaksud kod abjad angka yang mengenalpasti secara unik sama ada: <ul style="list-style-type: none"> • Pembil; atau • kategori produk atau perkhidmatan Pembil bagi tujuan menyalurkan Pembayaran kepada Pembil.
"Pembayaran Bil Pukal"	bermaksud permintaan pembayaran tunggal kepada lebih daripada satu Korporat Penerima Kegemaran melalui Connect dengan mengumpulkan dan menggabungkan pembil kegemaran individu sebelum meneruskan membuat pembayaran. Pembayaran akan dihantar secara terus kepada Korporat Penerima individu melalui Connect atau kepada pembil dengan menggunakan kemudahan Pembayaran Bil JomPAY. Jumlah amaun semua pembayaran bil yang dibuat akan ditolak daripada akaun pengguna Connect dan ditunjukkan pada sejarah transaksi untuk transaksi yang berjaya.
"Hari Perniagaan"	bermaksud hari di mana HLBB/HLISB dibuka untuk perniagaan di Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak melainkan cuti umum dan cuti bank.
"Kod CAPTCHA"	bermaksud "Completely Automated Public Turing test to tell Computers and Humans Apart", yang merupakan sebahagian daripada sistem keselamatan dalam talian HLB Connect untuk mengakses Connect.
"PIN Kad"	ialah nombor pengenalan peribadi 6 digit yang dipilih oleh anda untuk Kad ATM/Debit/Kredit yang dikeluarkan kepada anda bawah Akaun anda. Nombor ini diperlukan apabila anda melaksanakan sebarang transaksi perbankan di ATM, atau bagi Kad Kredit, apabila pengesahan PIN diperlukan untuk transaksi Kad Kredit pada terminal titik jualan (POS) dan pengeluaran pendahuluan tunai di ATM.
"Kod Pengeluaran Connect ATM"	bermaksud satu senarai nombor digit yang diberikan Bank kepada anda selepas setiap kali anda berjaya meminta transaksi Pengeluaran Connect ATM (dahulunya dikenali sebagai transaksi Pengeluaran Tanpa Kad) melalui Connect. Ia memberi kebenaran kepada anda untuk mengakses mana-mana terminal ATM HLBB/HLISB untuk transaksi Pengeluaran Connect ATM.
"Transaksi Pengeluaran Connect ATM"	bermaksud perkhidmatan yang membolehkan pengeluaran wang tunai daripada akaun perbankan HLBB/HLISB anda yang berdaftar di terminal ATM HLBB/HLISB menerusi aplikasi Connect tanpa menggunakan Kad ATM atau Kad Debit anda.

“Aktifkan Kad”	bermaksud perkhidmatan yang terdapat pada Connect yang membolehkan pengguna Connect mengaktifkan kad kredit Hong Leong Bank mereka yang baharu.
"Pindahan Baki"	bermaksud produk kad kredit yang terdapat pada Connect yang membolehkan anda memohon wang tunai untuk membayar baki kad kredit anda dengan bank lain.
“Call-For-Cash”	bermaksud produk kad kredit yang terdapat pada Connect yang membolehkan anda memohon pengeluaran wang tunai dari kad kredit Hong Leong Bank anda ke akaun simpanan atau semasa.
“ID Biasa”	Bermaksud pengenalan unik anda seperti nombor mudah alih, nombor Kad Pengenalan, Nombor Tentera atau Nombor Polis, atau bagi bukan warganegara Malaysia, Nombor Pasport (dalam kes individu) atau dalam kes Bukan Individu, Nombor Pendaftaran Perniagaan anda, atau mana-mana pengenalan biasa lain yang mungkin diperkenalkan oleh Pengendali DuitNow dari semasa ke semasa.
“Pengesahan Biometrik Connect”	bermaksud perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> (a) yang hanya disediakan untuk pelanggan yang menggunakan telefon pintar terpilih <ul style="list-style-type: none"> a. yang bukannya peranti IOS yang telah dibuka sekatan, iaitu iPhone 5s ke atas, yang menggunakan ID Sentuhan sebagai perisian mengenalpasti cap jari atau peranti yang diupayakan pengimbas cap jari Android bukan akar, iaitu terhad kepada Samsung Galaxy S6 dan ke atas yang dikendalikan oleh OS 8.0 dan ke atas (“Peranti Mobile”); dan b. ID Wajah Apple sebagai perisian mengenalpasti wajah (b) membolehkan anda mendapat akses kepada Connect menggunakan: <ul style="list-style-type: none"> a. cap jari anda atau yang telah disimpan pada Peranti Mobile anda (“Cap Jari”) sebagai opsiyen daftar masuk mudah dan Cap Jari anda, atau b. imbasan wajah anda yang telah disimpan di dalam Peranti Mobile anda <p>beserta dengan Pengesahan (seperti yang dinyatakan pada Klausa 5.9.2 (a) di dalam ini) hendaklah menjadi salah satu daripada Kod Keselamatan di mana HLBB/HLISB mengenalpasti anda bagi tujuan untuk membolehkan anda mengurus niaga melalui Connect.</p>
“Connect Online”	bermaksud perkhidmatan perbankan internet Connect yang disediakan oleh HLBB/HLISB untuk membolehkan anda melaksanakan transaksi perbankan melalui Terma dan Syarat ini menggunakan terminal komputer peribadi atau mana-mana peranti elektronik melalui browser internet dengan Kod Keselamatan; dan termasuk perkhidmatan yang ditambah, dipelbagaikan atau ditarik balik oleh HLBB/HLISB pada bila-bila masa, dan dari semasa ke semasa.
“Connect Mobile”	bermaksud perkhidmatan aplikasi perbankan mobile yang disediakan oleh HLBB/HLISB untuk membolehkan anda memuat turun ke dalam telefon pintar, tablet atau peranti elektronik anda yang lain (jika berupaya menyokong perkhidmatan aplikasi perbankan mobile sedemikian) bagi membolehkan anda melaksanakan transaksi perbankan mengikut Terma dan Syarat melalui sambungan internet dengan Kod Keselamatan; dan termasuk perkhidmatan yang ditambah, dipelbagaikan atau ditarik balik oleh HLBB/HLISB pada bila-bila masa, dan dari semasa ke semasa.
“Perkhidmatan Akses Pra Log Masuk Connect”	bermaksud perkhidmatan berikut yang terdapat pada aplikasi Connect Mobile dan atau perkhidmatan lain yang ditambah, disokong atau ditarik balik oleh HLBB/HLISB pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, yang boleh diakses menggunakan Pra Log Masuk Connect:

	<p>(a) AppAuthorise (b) Pengeluaran Connect ATM (c) Kalkulator Pinjaman (d) Kadar FX (e) Link Up (f) FAQ (g) Sokongan Pelanggan</p>
“Kad Kredit”	bermaksud kad kredit yang dikeluarkan oleh HLBB/HLISB kepada anda dari semasa ke semasa.
“Credit Shield Premier”	ertinya produk insurans untuk kad kredit yang ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad dan diedarkan oleh Hong Leong Bank Berhad. Ia merangkumi Kematian, Hilang Upaya Penuh dan Kekal (TPD), Perlindungan 36 Penyakit Kritikal & Kecacatan Total Secara Sementara (TTD).
“Pelanggan atau anda”	bermaksud individu yang mendaftar dengan HLBB/HLISB untuk Connect.
“Kad Debit”	bermaksud Kad Debit VISA/ MasterCard yang diberikan kepada anda oleh HLBB/HLISB yang membolehkan anda melaksanakan transaksi perbankan di mana-mana ATM dan membuat pembelian runcit dalam talian/luar talian.
“DuitNow”	bermaksud perkhidmatan yang diuruskan oleh Pengendali DuitNow yang membolehkan anda memulakan dan menerima pemindahan kredit segera dengan menggunakan akaun penerima atau ID DuitNow.
“Akaun DuitNow”	bermaksud Akaun anda yang mana ID Biasa mungkin dipautkan, tetapi tidak termasuk akaun-akaun berikut: (a) akaun deposit tetap (b) akaun junior (c) akaun mata wang asing (d) akaun Simpanan Premium; dan (e) akaun Semasa Mortgage Plus.
“ID DuitNow”	bermaksud ID Biasa berdaftar yang dipautkan ke Akaun DuitNow anda dengan HLBB/HLISB.
“Pengendali DuitNow”	ertinya Rangkaian Pembayaran Malaysia Sdn Bhd (No Syarikat: 836743-D)
“Arahan Pembayaran yang Salah”	bermaksud Arahan Pembayaran yang dimulakan secara salah atau tidak betul seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Peserta memasukkan entri yang salah ke akaun bank Pembil/Pembayar, atau menjana Arahan Pembayaran yang tidak sah, tidak betul, salah arah atau terduplikasi bagi pihak Pembil/Pembayar disebabkan ralat teknikal atau ralat operasi; • Ralat teknikal atau operasi oleh Pengendali Skim yang menyebabkan Arahan pembayaran yang tidak betul atau terduplikasi; dan • Arahan Pembayaran yang Silap yang diarahkan kepada Pembil/Pembayar yang salah, mengandungi nombor rujukan penerima yang tidak betul, amaun yang salah atau diduplikasi.
“e-Deposit Tetap”	bermaksud Akaun e-Deposit Tetap Hong Leong (“eFD”) yang membolehkan pembukaan akaun, peletakan dan pengeluaran deposit tetap yang disimpan dengan HLBB dilaksanakan secara dalam talian melalui Hong Leong Connect menurut Terma dan Syarat eFD yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.
“e-Deposit Tetap Islam”	bermaksud Deposit Tetap Islam Dalam Talian-i Hong Leong (“eFD-i”) yang membolehkan pembukaan akaun, peletakan dan pengeluaran deposit bertempoh yang disimpan dengan HLISB dilaksanakan secara dalam talian melalui Hong Leong Connect menurut Terma dan Syarat eFD-i yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

“Permohonan e-Wasiat / e-Will”	bermaksud penyerahan Borang Permohonan Wasiat / Will dan Dokumen Wasiat / Will Asas secara dalam talian.
“FAQ”	bermaksud Soalan Lazim tentang hal-hal pendaftaran dan transaksi perbankan menerusi Connect. FAQ terdapat di laman web Connect di www.hongleongconnect.my dan Connect Mobile.
“Pendaftaran Kali Pertama”	bermaksud pendaftaran dengan Connect yang membolehkan anda mengakses akaun perbankan anda melalui internet dengan Kod Keselamatan yang ditakrifkan dan disahkan oleh anda semasa proses pendaftaran.
“Pelan Pembayaran Fleksi”	bermaksud produk kad kredit yang terdapat pada Connect yang membolehkan anda memohon untuk menukar amaun tertentu daripada baki sedia ada dalam kad kredit Hong Leong Bank anda menjadi pelan dengan ansuran tetap untuk tempoh masa tertentu bagi menikmati faedah yang lebih rendah.
“FPX”	bermaksud sistem gerbang pembayaran dalam talian selamat yang diuruskan oleh PayNet, bagi membolehkan Pelanggan yang memiliki akaun perbankan Internet dengan mana-mana institusi kewangan yang menyertai FPX ("FI yang Menyertai") untuk membuat pembayaran dalam talian masa sebenar, dengan menggunakan akaun semasa atau simpanan Pelanggan yang sedia ada, antara institusi kewangan yang mengambil bahagian, tertakluk pada terma dan syarat yang berkaitan.
“Arahan Pembayaran Palsu”	bermaksud pembayaran yang dicetuskan dengan cara yang tidak jujur atau menipu di mana Pembayar membuat Pembayaran akibat dari invois palsu yang dikeluarkan oleh pihak ketiga yang berupa sebagai Pembil (tetapi sebenarnya bukan) atau pihak ketiga yang menyamar sebagai Pembil.
“FRNID”	bermaksud Floating Rate Negotiable Instrument of Deposit.
“Dana”	bermaksud mana-mana syarikat pelaburan, unit amanah, dana bersama atau skim pelaburan kolektif lain di mana pelaburan mungkin ditawarkan kepada orang awam di Malaysia untuk langganan atau pembelian dan diedarkan oleh atau disediakan melalui HLBB/HLISB.
“HLBB”	bermaksud Hong Leong Bank Berhad dan termasuk semua pengganti hak milik serta yang diserahkan hak.
“HLISB”	bermaksud Hong Leong Islamic Bank Berhad dan termasuk semua pengganti hak milik serta yang diserahkan hak.
“HLIB”	Bermaksud Hong Leong Investment Bank Berhad (10209-W) dan termasuk semua pengganti dalam senarai dan penerima-penerima.
“IBG Masa Potong Hari yang Sama”	bermaksud batas waktu pada Hari Perniagaan di mana dana daripada Arahan Pembayaran yang: <ul style="list-style-type: none"> • Dimulakan sebelum batas waktu ini akan dikreditkan pada Hari Perniagaan yang sama • Dimulakan selepas batas waktu ini akan dikreditkan pada Hari Perniagaan yang berikutnya
“Tanya & Tebus Mata Ganjaran”	bermaksud perkhidmatan yang terdapat pada Connect Online yang membolehkan pengguna Connect Online memeriksa mata ganjaran kad kredit Hong Leong Bank mereka dan memohon untuk menggunakan mata ganjaran untuk menebus barangan daripada katalog ganjaran kad kredit Hong Leong Bank..
“Pindahan Segera” kini dikenali sebagai “DuitNow to Account”	bermaksud pindahan segera dana atau pembayaran kepada penerima bukan Hong Leong Bank menggunakan perkhidmatan DuitNow.

“Arahan”	bermaksud sebarang arahan yang diberi oleh anda kepada HLBB/HLISB menggunakan Kod Keselamatan melalui Connect atau melalui Saluran Perhubungan yang Diluluskan.
“Internet”	bermaksud rangkaian komputer dan sistem perhubungan global yang memudahkan perhubungan.
“Interbank GIRO atau IBG”	Bermaksud sistem pembayaran antara bank dan sistem pemindahan dana yang memudahkan pembayaran dan kutipan melalui pertukaran transaksi digital antara bank.
“Pelaburan”	bermaksud mana-mana unit, sub unit, saham atau sekuriti lain dalam mana-mana Dana dan, jika diperlukan oleh konteks, sebarang instrumen yang membuktikan hak milik atau mewakili hak untuk menerima, membeli atau melanggan yang sama, atau membuktikan atau mewakili apa-apa hak dan kepentingan yang lain.
“Akaun Pelaburan”	bermaksud akaun pelaburan yang dipegang oleh anda dan dikekalkan bersama HLB mengikut Perjanjian Perkhidmatan Pelaburan yang relevan, yang mungkin dipinda dari masa ke semasa.
“Akaun Pelaburan-i”	Bermaksud akaun pelaburan yang dipegang oleh anda dan dikekalkan bersama HLISB mengikut terma dan syarat produk Akaun Pelaburan-i, dibawah mana wang/prinsipal diletakkan dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk pembiayaan mengikut Syariah, berdasarkan terma bahawa tidak ada kewajiban untuk membayar balik wang sepenuhnya, secara nyata atau tersirat dan: <ul style="list-style-type: none"> (a) samada keuntungan sahaja, atau kedua-dua keuntungan dan kerugian, maka akan dikongsi antara orang yang membayar wang sebagai pembekal modal dan orang yang menerima wang sebagai pengurus dana; atau (b) dengan atau tanpa apa-apa pulangan.
“Jenama JomPAY”	bermaksud jenama, ikon, logo dan tanda untuk Skim JomPAY.
“Malware”	bermaksud virus-virus komputer, pepijat atau lain-lain bertujuan jahat, membinasakan atau perisian yang merosakkan, kod, ejen, program atau macro, dan / atau phishing atau skim kejuruteraan sosial yang menggunakan perisian komputer atau telekomunikasi untuk mendapatkan data peribadi atau maklumat peribadi lain untuk tujuan berniat jahat atau penipuan .
“Arahan Pembayaran yang Silap”	bermaksud pembayaran yang dibuat, atau tidak dibuat, kepada individu atau bagi amaun yang tidak mengikut Arahan Pembayaran Pembayar atau mengandungi ralat dalam Arahan Pembayaran daripada Pembayar yang mengakibatkan pembayaran yang: <ul style="list-style-type: none"> a) disalurkan kepada Pelanggan yang salah; b) mengandungi Nombor Rujukan Penerima yang tidak betul; c) membawa amaun yang salah; atau d) terduplikasi.
“Pembekal Perkhidmatan Rangkaian Mobile”	bermaksud mana-mana Pembekal perkhidmatan rangkaian telekomunikasi berdaftar yang menyediakan perkhidmatan telefon mobile.
“National Addressing Database” atau “NAD”	bermaksud pusat menangani depositori yang ditubuhkan oleh Pengendali DuitNow yang menghubungkan Akaun DuitNow kepada ID DuitNow penerima dan memudahkan pembayaran dibuat dengan merujuk kepada ID DuitNow penerima.
“Pertanyaan Nama NAD”	bermaksud perkhidmatan yang mengembalikan nama pemilik yang telah mendaftarkan ID DuitNow di NAD.
“Pengendali NAD”	ertinya Rangkaian Pembayaran Malaysia Sdn. Bhd. (No Syarikat: 836743-D).

“Instrumen Deposit Boleh Niaga”	bermaksud instrumen boleh niaga dikeluarkan oleh HLBB yang mengesahkan bahawa amaun prinsipal pelaburan telah didepositkan dengan HLBB untuk tempoh tertentu pada kadar faedah tertentu dan apa-apa terma khusus lain yang ditetapkan oleh HLBB dalam helaian terma yang berkaitan dan pengesahan deposit mengikut terma dan syarat yang berkaitan dengannya.
“Pembekal Perkhidmatan Rangkaian”	bermaksud mana-mana pembekal perkhidmatan internet atau perkhidmatan dalam talian komersil yang menyediakan sambungan Internet.
“Pemberitahuan Perjalanan Luar Negara”	bermaksud perkhidmatan yang terdapat pada Connect Online yang membolehkan pengguna Connect memaklumkan bank tentang keperluan penggunaan kad kredit di luar negara bagi mengelakkan
“Transaksi Dalam Talian”	bermaksud pemindahan dan pembayaran yang dibuat dari akaun perbankan HLBB/HLISB anda melalui Connect.
“Pindahan Dana Terbuka”	bermaksud pemindahan dana dari akaun simpanan atau semasa HLBB/HLISB anda ke akaun perbankan HLBB/HLISB pihak ketiga atau akaun perbankan di bank lain, yang masih belum tersenarai dalam senarai Akaun Kegemaran anda, berkaitan dengan pengguna Connect Mobile.
“Pindahan Akaun Lain”	bermaksud pindahan dana dari akaun simpanan atau semasa HLBB/HLISB anda ke akaun perbankan HLBB/HLISB pihak ketiga atau akaun perbankan di bank lain.
“Pindahan Akaun Sendiri”	bermaksud pindahan dana dari akaun simpanan atau semasa HLBB/HLISB anda ke akaun perbankan HLBB/HLISB anda yang lain.
“Peserta”	bermaksud Bank yang menjadi anggota Skim.
“Kata laluan”	bermaksud senarai aksara huruf dan angka yang dicipta oleh anda semasa Pendaftaran Kali Pertama atau untuk Set Semula Connect. Nama pengguna diperlukan oleh HLBB/HLISB untuk mengenalpasti Kod Keselamatan sebelum membenarkan akses Connect.
“Penerima”	bermaksud penerima Pembayaran PEx yang dikenalpasti dengan nombor telefon mobile yang berdaftar di Malaysia.
“Penerima Korporat”	bermaksud syarikat atau korporat yang bil, polisi atau pembelian e-dagang boleh dibayar oleh anda melalui Connect dan termasuk mana-mana syarikat atau korporat yang termasuk atau digantikan oleh HLBB/HLISB mengikut budi bicara mutlaknyanya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.
“Pembayar”	bermaksud individu, syarikat, badan korporat, perniagaan (termasuk tuan punya tunggal dan perkongsian), agensi kerajaan, badan berkanun, pertubuhan dan pelanggan Bank lain yang membuat pembayaran kepada Pembil menggunakan Skim ini.
“Pembayar tidak hadir”	bermaksud Pembayar yang tidak hadir secara fizikal semasa proses permulaan transaksi.
“Bank Pembayar”	bermaksud Peserta Skim yang menawarkan perkhidmatan yang membolehkan pembayar memulakan Arahan Pembayaran.
“Arahan Pembayaran” atau “Pembayaran”	bermaksud arahan daripada Pembayar kepada Bank Pembayarannya yang mengarahkan Bank Pembayar: a) mengeluarkan dana daripada akaun bank pembayar; dan b) menghantar kemasukan IBG untuk memindahkan dana ke Bank Pembil untuk membayar Bil kepada Pembil.

“PayNet”	bermaksud Payments Network Malaysia Sdn Bhd
“Melaporkan Kad Hilang / Dicuri & Penipuan”	bermaksud perkhidmatan yang terdapat pada Connect Online yang membolehkan pengguna Connect melaporkan kad kredit Hong Leong Bank mereka yang hilang atau dicuri serta membuat laporan jika mereka mendapati atau mengesyaki aktiviti penipuan pada kad kredit Hong Leong Bank mereka.
“Permintaan Penggantian Kad”	bermaksud perkhidmatan yang terdapat pada Connect Online yang membolehkan pengguna Connect memohon penggantian kad kredit Hong Leong Bank yang rosak atau hilang/dicuri.
“Permintaan untuk Meningkatkan Had Kredit”	bermaksud perkhidmatan yang terdapat pada Connect Online yang membolehkan pengguna Connect memohon untuk peningkatan had kredit Hong Leong Bank mereka secara kekal atau sementara.
“Kod QR”	bermaksud kod respon cepat yang merupakan kod bar dengan corak hitam yang disusun dalam format kotak segi empat dalam latar belakang putih, yang boleh digunakan untuk tujuan yang ditentukan dalam program perisian tertentu.
“Notis Privasi”	bermaksud dasar dan prinsip HLBB/HLISB yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti yang sedia ada dan yang berpotensi dan entiti yang berurusan dengan HLBB/HLISB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa dan disediakan di laman web HLBB/HLISB atau dalam cara yang difikirkan sesuai oleh HLBB/HLISB.
“Pemberitahuan Masa Sebenar” atau “RTN”	bermaksud suatu bentuk mesej elektronik yang dihantar kepada Pembil sebagai notis awal pembayaran masuk dari Pembayar apabila akaun bank Pembayar berjaya didebitkan untuk Arahan Pembayaran Pembil.
“Perkhidmatan Tambah Nilai”	bermaksud menambah nilai kad prabayar, mobile atau sebarang cara perkhidmatan saluran telekomunikasi prabayar yang mungkin dilakukan oleh anda melalui Connect.
“Set Semula Connect”	bermaksud menukar Kod Keselamatan anda untuk mengakses Connect sekiranya anda terlupa Kod Keselamatan atau apabila anda mahu mengaktifkan semula Connect anda yang telah menjadi dorman selepas dua belas (12) bulan tidak aktif.
“Pembalikan”	bermaksud transaksi yang: <ul style="list-style-type: none"> a) dimulakan oleh Pembil untuk membatalkan Arahan Pembayaran yang Salah; b) mungkin melibatkan pelarasan debit atau kredit kepada akaun Pembayar yang berkait dengan Arahan Pembayaran yang Salah; dan c) mungkin melibatkan pelarasan akaun bank Pembil yang dinamakan dalam Arahan Pembayaran yang Salah, jika dana dari Arahan Pembayaran Salah telah digunakan pada akaun bank.
“RRN”	bermaksud Nombor Rujukan Penerima.
“Skim”	bermaksud perkhidmatan yang ditawarkan oleh PayNet yang memudahkan pembayaran Bil dalam seluruh industri melalui penggunaan Kod Pembil standard dan Nombor Rujukan Penerima.
“Pengendali Skim” atau “SO”	bermaksud pemilik dan pengendali Skim JomPAY.
“Kod Keselamatan”	bermaksud kelayakan keselamatan untuk mengenalpasti anda apabila mengakses dan menggunakan Connect yang terdiri daripada Kata Laluan, Nama Pengguna, Pin Kad, TAC, ID Sementara, Soalan Keselamatan, Pengesahan Biometrik Connect dan termasuk apa-apa kod keselamatan lain yang dikeluarkan HLBB/HLISB dari semasa ke semasa.

“Gambar Keselamatan”	bermaksud imej yang dipaparkan kepada anda sebagai langkah keselamatan anti-phishing bagi memastikan anda mendaftar masuk ke portal Connect yang asli. Gambar ini dipilih oleh anda semasa Pendaftaran Kali Pertama anda atau Set Semula Connect.
“Soalan Keselamatan”	bermaksud satu set soalan dan jawapan yang akan ditanya kepada anda sebagai pengesahan akaun tahap tambahan apabila sistem mengesan transaksi luar biasa melalui akaun Connect anda. Soalan dan jawapan keselamatan dibentuk oleh anda dan ianya bertindak sebagai kaedah sekunder untuk mengenalpasti diri anda selain daripada Nama Pengguna dan Kata Laluan anda.
“Perkhidmatan”	bermaksud perkhidmatan perbankan yang ditawarkan oleh HLBB/HLISB melalui internet dan mobile atau mana-mana medium elektronik lain yang diluluskan oleh HLBB/HLISB, menurut Terma dan Syarat untuk Connect.
“Produk Berstruktur”	bermaksud apa-apa produk pelaburan, termasuk dan tanpa had, nota berstruktur, instrumen kewangan berstruktur, sama ada produk pelaburan itu dirujuk kepada harga atau nilai mana-mana satu atau lebih sekuriti, komoditi, mata wang atau instrumen kewangan, atau sebarang produk lain yang dikeluarkan oleh HLBB, yang anda bersetuju (dalam kes Produk Berstruktur (selain nota berstruktur)) untuk mengurus niaga atau melabur, atau (dalam kes nota berstruktur) untuk melanggan atau membeli dari HLBB, dan yang mana ditetapkan oleh HLBB untuk ditadbir oleh terma dan syarat berkaitan yang mentadbir Produk Berstruktur dari semasa ke semasa.
“TAC”	bermaksud “Transaction Authorization Code” iaitu ciri keselamatan yang dilaksanakan bagi memberi lapisan perlindungan kedua untuk transaksi perbankan dalam talian, mobile dan tablet selain daripada daftar masuk Nama Pengguna, Gambar Keselamatan dan Kata Laluan Connect anda. Ia merupakan kod 6 digit yang perlu dimasukkan untuk transaksi dalam talian tertentu.
“Cukai”	bermaksud sebarang cukai, levi, impos, duti, caj, yuran, tolakan atau penangguhan dalam sebarang bentuk, Malaysia atau asing, pada masa sekarang atau akan datang, secara langsung atau tidak langsung, yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa yang Wajar, termasuk tanpa had, Cukai Kerajaan, jika berkenaan dan cukai-cukai lain atas apa sahaja nama, dan sebarang faedah, denda atau penalti yang berkenaan dengannya.
“ID Sementara”	adalah senarai aksara huruf dan angka yang diberikan kepada anda oleh HLBB/HLISB seperti yang diperlukan untuk Pendaftaran Kali Pertama atau Set Semula Connect anda menggunakan opsyen akaun perbankan.
“Terma dan Syarat”	bermaksud terma dan syarat untuk Connect melainkan konteks memerlukan sebaliknya dan termasuk sebarang pindaan, penambahan, variasi atau penghapusan yang dibuat dari semasa ke semasa dan hendaklah merujuk kepada terma dan syarat yang lazim pada masa itu.
“Pindahan Telegraph” atau “TT”	bermaksud pemindahan dana dalam mata wang asing kepada bank atau agen berkaitan di luar Malaysia.
“Insuran Kembara”	bermaksud produk insuran kembara yang ditaja jamin oleh MSIG Insurance (Malaysia) Berhad dan diedarkan oleh Hong Leong Bank Berhad. Ia adalah insuran komprehensif yang memberikan pampasan terhadap kemalangan dan kejadian yang dilindungi semasa mengembara dalam tempoh polisi. Sebagai contoh, kelewatan

	penerbangan, kehilangan bagasi, jatuh sakit, kemalangan dan sebagainya. Ini adalah polisi jangka pendek dalam satu perjalanan atau polisi tahunan untuk menampung bilangan perjalanan yang tidak terhad dalam tahun polisi.
“Kemas kini Maklumat Hubungan”	bermaksud perkhidmatan yang membolehkan anda mengemas kini butiran maklumat anda yang disimpan oleh Bank.
“Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran”	bermaksud pembayaran yang dibuat tanpa kebenaran Pembayar yang dikatakan telah memberikan Arahan Pembayaran yang memulakan pembayaran tersebut (dan Pembayaran telah didebitkan dari akaun Pembayar) atau Pembayaran yang dibuat oleh Pembayar tanpa apa-apa sebab lain selain daripada penipuan. Ini termasuklah pembayaran yang dibuat oleh pihak ketiga yang mendapat akses tanpa kebenaran ke akaun Pembayar dan membuat transaksi tanpa kebenaran dari akaun Pembayar untuk membuat pembayaran lain. Walau bagaimanapun, ini tidak termasuk Arahan Pembayaran Palsu.
“Unit Amanah”	bermaksud unit amanah, dana pelaburan, dana bersama, dana borong atau skim pelaburan kolektif lain yang telah didaftarkan dan diluluskan oleh pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan di Malaysia dan diedarkan oleh HLBB dari semasa ke semasa.
“Kerugian Tidak Boleh Pulih”	bermaksud bahagian dana yang dikreditkan kepada pihak yang salah disebabkan Pembayaran yang Salah atau Pembayaran Palsu yang tidak dapat diambil setelah Peserta kehabisan proses pemulihan dana.
“URL”	bermaksud alamat browser internet.
“Nama pengguna”	bermaksud nama yang dipilih atau dicipta oleh anda yang terdiri daripada aksara huruf dan angka semasa Pendaftaran Kali Pertama atau Set Semula Connect. Nama pengguna diperlukan oleh HLBB/HLISB untuk mengenalpasti Kod Keselamatan sebelum membenarkan akses Connect.

2.2 Interpretasi

(a) Perkataan yang menunjukkan mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya dan perkataan yang menunjukkan jantina maskulin hendaklah termasuk jantina feminin dan neuter dan sebaliknya.

(b) Jika terdapat dua atau lebih orang yang terkandung dalam istilah anda atau Pelanggan, arahan, perjanjian, akujanji, kewajipan yang dinyatakan untuk dikeluarkan atau diberikan oleh atau dibuat oleh seseorang, hendaklah disifatkan sebagai telah dikeluarkan atau diberikan oleh atau dibuat oleh dan mengikat orang-orang tersebut secara bersama dan berasingan.

3.0 Kelayakan dan Pendaftaran untuk Connect

3.1 Anda perlu berusia lapan belas (18) tahun dan mempunyai akaun bank yang aktif dengan HLBB/HLISB.

3.2 HLBB/HLISB mempunyai budi bicara yang mutlak untuk menerima atau menolak pendaftaran anda tanpa perlu mendedahkan alasan berbuat demikian dan/atau memberi respons kepada sebarang permintaan untuk mendapatkan maklumat.

3.3 Anda boleh menyesuaikan tetapan akaun perbankan anda pada Connect tetapi Akaun yang anda boleh melakukan transaksi melalui Connect adalah Akaun yang dikendalikan oleh penandatanganan individu, atau sama ada satu penandatanganan untuk akaun bersama.

4.0 Terminal Komputer/Peranti Elektronik Peribadi dan Akses Rangkaian Internet/Mobil

4.1 Anda bertanggungjawab sepenuhnya:

- (a) untuk memastikan terminal komputer dan/atau peranti elektronik peribadi dan perisian dan perkakasan yang berkaitan memenuhi spesifikasi dan konfigurasi yang diperlukan sebagaimana yang ditentukan oleh HLBB/HLISB dari semasa ke semasa; dan
- (b) terhadap pemasangan, penyelenggaraan dan keselamatan terminal komputer dan/atau peranti elektronik peribadi, perkakasan dan perisian berkaitan (termasuk perisian browser internet) dan sambungan internet/data yang digunakan untuk mengakses **Connect**, dan HLBB/HLISB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang ditanggung oleh anda atau mana-mana pihak ketiga daripada sebarang kelewatan, kegagalan, gangguan, kerosakan atau pencerobohan yang dihadapi.

4.2 Akses anda ke laman web HLBB/HLISB dan **Connect** melalui Pembekal Perkhidmatan Rangkaian akan tertakluk kepada terma dan syarat Pembekal Perkhidmatan Rangkaian.

4.3 Penyediaan TAC atas permintaan anda adalah melalui Pembekal Perkhidmatan Rangkaian Mobile dan bergantung pada terma dan syarat Pembekal Perkhidmatan Rangkaian Mobile. HLBB/HLISB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh anda atau mana-mana pihak ketiga daripada kelewatan, kegagalan, gangguan, kerosakan atau pencerobohan TAC.

5.0 Mendapat Akses Connect

5.1 Pendaftaran Kali Pertama

- (a) Mendaftar menggunakan Kad ATM/Debit - anda perlu memasukkan Nombor Kad ATM/Debit, PIN Kad, No. KP/Nombor Pasport/Kad Pengenalan Tentera/Kad Pengenalan Polis/Nombor Pendaftaran Perniagaan/Nombor KP Asing dan TAC anda. Selepas maklumat yang betul diterima, anda perlu mencipta Nama Pengguna dan Kata Laluan, memilih Gambar Keselamatan anda, bersetuju dengan Terma dan Syarat dan menentukan Soalan Keselamatan. Selepas berjaya, anda akan dimaklumkan tentang semua had transaksi dalam talian harian default melalui Connect pada skrin pemberitahuan. Anda seterusnya boleh log masuk ke Connect anda melalui browser internet atau pergi ke aplikasi Connect Mobile yang anda telah muat turun pada telefon pintar atau peranti tablet anda. Anda boleh mengakses menggunakan Nama Pengguna, Gambar Keselamatan dan Kata Laluan yang sama.
- (b) Mendaftar menggunakan Kad Kredit - anda perlu memasukkan Nombor Kad Kredit, PIN Kad, No. KP/Nombor Pasport/Kad Pengenalan Tentera/Kad Pengenalan Polis/Nombor KP Asing dan TAC anda. Selepas maklumat yang betul diterima, anda perlu mencipta Nama Pengguna dan Kata Laluan, memilih Gambar Keselamatan anda, bersetuju dengan Terma dan Syarat dan menentukan Soalan Keselamatan. Selepas berjaya, anda akan dimaklumkan tentang semua had transaksi dalam talian harian default melalui Connect pada skrin pemberitahuan. Anda seterusnya boleh log masuk ke Connect anda melalui browser internet atau pergi ke aplikasi Connect Mobile yang anda telah muat turun pada telefon pintar atau peranti tablet anda. Anda boleh mengakses menggunakan Nama Pengguna, Gambar Keselamatan dan Kata Laluan yang sama.
- (c) Mendaftar menggunakan Nombor Akaun Bank (tidak terpakai untuk perbankan Connect Mobile)- anda perlu pilih Jenis Akaun, memasukkan Nombor Akaun, ID Sementara, No. KP/Nombor Pasport/Kad Pengenalan Tentera/Kad Pengenalan Polis/Nombor KP Asing dan TAC. Selepas maklumat yang betul diterima, anda perlu mencipta Nama Pengguna dan Kata Laluan, memilih Gambar Keselamatan anda, bersetuju dengan Terma dan Syarat dan menentukan Soalan Keselamatan. Selepas berjaya, anda akan dimaklumkan tentang semua had transaksi dalam talian harian default melalui Connect pada skrin pemberitahuan. Anda seterusnya boleh log masuk ke Connect anda melalui browser internet atau pergi ke aplikasi Connect Mobile yang anda telah muat turun pada telefon pintar atau peranti tablet anda. Anda boleh mengakses menggunakan Nama Pengguna, Gambar Keselamatan dan Kata Laluan yang sama.

5.2 Anda boleh muat turun aplikasi Connect Mobile sehingga maksimum lima (5) peranti mobile dan/atau tablet, dan menggunakan Kod Keselamatan yang sama untuk log masuk dan mengakses perkhidmatan perbankan mobile anda. Selepas anda mencapai had maksimum lima (5) peranti mobile

dan/atau tablet, sebarang percubaan untuk log masuk menggunakan peranti mobile dan/atau tablet yang keenam (ke-6) akan gagal.

5.3 Anda boleh mendaftar keluar aplikasi Connect Mobile anda daripada mana-mana peranti mobile dan/atau tablet anda melalui mana-mana mod berikut:

- (a) Daftar keluar sendiri – anda perlu log masuk aplikasi Connect Mobile anda untuk menghapuskan peranti yang berdaftar; atau
- (b) Pusat Panggilan Hong Leong – anda perlu menghubungi talian +603-7626 8899 untuk meminta peranti mobile dan/atau tablet anda didaftar keluar; atau
- (c) Mesej– anda perlu log masuk ke Connect Online dan hantar kami Mesej untuk meminta peranti mobile dan/atau tablet anda didaftar keluar.

5.4 Set semula Connect (hanya tersedia untuk Connect Online)

- (a) Terlupa Nama Pengguna atau Kata Laluan - anda perlu set semula Nama Pengguna atau Kata Laluan anda dengan melakukan proses yang sama seperti Pendaftaran Kali Pertama pada Klausula 5.1 (a) atau (b) atau (c).
- (b) Mengubah Nama Pengguna dan Kata Laluan - anda perlu menukar Nama Pengguna atau Kata Laluan anda dengan melakukan proses yang sama seperti Pendaftaran Kali Pertama pada Klausula 5.1 (a) atau (b) atau (c).
- (c) Mengaktifkan semula akaun Connect - anda perlu mengaktifkan semula status akaun dorman, terkunci atau pasif anda dengan melakukan proses yang sama seperti Pendaftaran Kali Pertama pada Klausula 5.1 (a) atau (b) atau (c).

5.5 Connect akan menjadi dorman jika tiada aktiviti log masuk dalam tempoh 12 bulan.

5.6 Anda bersetuju bahawa Bank menggunakan Kod Keselamatan anda untuk mengenalpasti anda dan mengakui bahawa anda perlu menyimpan Kod Keselamatan anda dengan selamat dan mengambil langkah sewajarnya untuk mengelakkan akses dan/atau penggunaan tanpa kebenaran.

5.7 HLBB/HLISB berhak untuk membatalkan Kod Keselamatan anda tanpa diwajibkan untuk menawarkan apa-apa notis atau penjelasan terlebih dahulu dan untuk menolak penggantian Kod Keselamatan tanpa memberikan apa-apa sebab.

5.8 Selepas anda log masuk Connect, anda tidak boleh pada bila-bila masa meninggalkan terminal atau peranti lain yang anda gunakan untuk mengakses Connect atau membiarkan orang lain menggunakannya sehingga anda benar-benar telah log keluar. Anda bertanggungjawab memastikan bahawa anda telah benar-benar mendaftar keluar di akhir setiap sesi.

6.0 Pengesahan Biometrik Connect

6.1 Penggunaan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect

- (a) Untuk menggunakan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect, anda perlu:
 - (i) menjadi pengguna Akaun Connect HLBB/HLISB yang sah;
 - (ii) memasang Connect Mobile pada Peranti Mobile anda;
 - (iii) mendaftar Peranti Mobile anda dengan Connect dengan berjaya log masuk melalui Connect Mobile;
 - (iv) telah mendaftar Cap Jari anda pada Peranti Mobile; dan
 - (v) mengupayakan yang berikut:
 - (A) Untuk peranti IOS
 - ID sentuhan atau ID Wajah untuk membuka kunci Peranti Mobile anda
 - (B) Untuk peranti Android
 - Membolehkan Keselamatan Cap Jari

- (b) Untuk mengaktifkan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect, anda mula-mula perlu log masuk ke Connect Mobile, pergi ke menu 'Setting' dan pilih 'Enrol Fingerprint' atau 'Enrol Face' mana-mana yang berkenaan.
- (c) Untuk menyahaktifkan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect, anda mula-mula perlu log masuk ke Connect Mobile, pergi ke menu 'Setting' dan pilih 'Unenrol Fingerprint' atau "Unenrol Face" mana-mana yang berkenaan.

6.2 Terma Khusus Mentadbir Penggunaan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect. Dengan menggunakan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect, anda dengan ini mengakui dan bersetuju dengan terma khusus berikut yang mentadbir perkhidmatan ini.

- (a) Bagi mengelakkan keraguan, semua data Cap Jari atau Data Wajah disimpan di dalam Peranti Mobile yang berkaitan apabila anda menetapkan Peranti Mobile yang dibolehkan cap jari dan tiada data Cap Jari atau Wajah yang disimpan pada pelayan HLBB/HLISB. Bagi tujuan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect, pengesahan Cap Jari atau Imbasan Wajah ditentukan oleh Peranti Mobile itu sendiri. Selepas Cap Jari atau Imbasan Wajah dikenalpasti oleh Peranti Mobile, penentuan pengesahan ("**Pengesahan**") akan disampaikan oleh Peranti Mobile kepada Pengesahan Biometrik Connect untuk membolehkan anda meneruskan transaksi yang berkaitan atau sekiranya pengesahan gagal, pemberitahuan kegagalan Pengesahan akan disampaikan kepada antara muka Perkhidmatan Pengesahan Biometrik.
- (b) Peranti mobile/tablet pengguna Connect Mobile yang memiliki ciri/fungsi 'Enroled Fingerprint' atau 'Enroled Face' akan dapat log masuk ke Connect Mobile menggunakan hanya cap jari atau imbasan wajah mereka. Akses biometrik hanya membenarkan transaksi sehingga maksimum RM500 bagi setiap transaksi. Transaksi yang dibenarkan untuk Connect Mobile menggunakan Pengesahan Biometrik Connect adalah terhad kepada pengeluaran ATM (Tanpa kad), pindahan Dana Terbuka dan pindahan kegemaran. Apa-apa amaun melebihi RM 500 setiap transaksi atau perubahan tetapan dalam aplikasi Connect memerlukan pengguna Connect Mobile, menerusi Pengesahan Biometrik Connect, untuk memasukkan kata laluan sebagai langkah pengesahan seterusnya sebelum membenarkan pengguna melakukan transaksi atau membuat sebarang perubahan pada Connect Mobile.
- (c) Anda bersetuju bahawa dengan menggunakan Cap Jari atau Imbasan Wajah untuk mengakses Connect melalui perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect, HLBB/HLISB bergantung pada Peranti Mobile untuk menyediakan Pengesahan jika anda mengaktifkan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect.
- (d) Anda tidak boleh mendaftarkan mana-mana cap jari pihak ketiga sebagai Cap Jari atau Imbasan ID anda kerana dengan berbuat demikian akan membolehkan pihak ketiga mempunyai akses kepada Akaun anda dan melaksanakan segala fungsi yang terdapat dalam perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect.
- (e) Jika anda mempunyai sebarang cap jari pihak ketiga yang disimpan pada Peranti Mobile, anda dikehendaki dan anda menjamin bahawa cap jari pihak ketiga tersebut telah dipadamkan daripada Peranti Mobile sebelum anda mengaktifkan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect.
- (f) Cap Jari atau Imbasan Wajah anda patut dijaga dengan tahap keselamatan yang sama seperti Kod Keselamatan anda yang lain untuk mengelakkan sebarang akses tanpa kebenaran ke Akaun anda seperti yang dinyatakan lebih khusus pada Klausula 11 dalam Terma dan Syarat ini.
- (g) Arahan yang dikemukakan oleh anda menggunakan Pengesahan Biometrik Connect hendaklah terdiri Arahan seperti yang dinyatakan pada Klausula 7 dalam Terma dan Syarat ini.

- (h) Anda hendaklah menyahaktifkan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect mengikut Klausula 5.9.1 (c) yang terkandung di sini sekiranya anda menukar atau melupuskan Peranti Mobile anda.
- (i) Anda boleh menggunakan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect untuk sehingga lima (5) Peranti Mobile tetapi setiap Peranti Mobile memerlukan pendaftaran berasingan bagi perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect.
- (j) Anda mengakui bahawa HLBB/HLISB tidak bertanggungjawab untuk mengesahkan bahawa Cap Jari atau Imbasan Wajah anda yang diendorskan pada Peranti Mobile dan bersetuju bahawa setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang, HLBB/HLISB tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk mana-mana dan semua kerugian, liabiliti, kos, perbelanjaan, ganti rugi, tuntutan, tindakan, atau prosiding dalam apa jua bentuk (sama ada secara langsung, tidak langsung atau berbangkit) berkenaan dengan apa-apa perkara dalam apa jua bentuk dan apa jua yang timbul (sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya) berkaitan dengan:
- i. peruntukan oleh HLBB/HLISB bagi atau penggunaan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect oleh anda;
 - ii. sebarang akses tanpa kebenaran kepada baki akaun anda, transaksi daripada perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect dan/atau penggunaan Peranti Mobile anda;
 - iii. sebarang transaksi yang dilaksanakan mengikut Klausula 5.9.2 (g) yang terkandung di sini; dan/atau
 - iv. apa-apa pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana Terma dan Syarat ini atau mana-mana prosedur berkaitan yang ditetapkan oleh HLBB/HLISB.
- (k) Anda mengakui bahawa sekiranya kehilangan Peranti Mobile, anda perlu segera menyahaktifkan Pengesahan Biometrik Connect dengan menghubungi Pusat Hubungan HLBB/HLISB untuk melaporkan kehilangan Peranti Mobile anda dan meminta pendaftaran biometrik bagi Peranti Mobile yang hilang dibatalkan. Jika anda ada lebih daripada satu (1) Peranti Mobile yang didaftarkan untuk perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect, anda boleh menyahaktifkan sendiri Pengesahan Biometrik Connect Peranti Mobile yang hilang dengan menggunakan Peranti Mobile anda yang lain.
- (l) HLBB/HLISB berhak menyahaktifkan perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect jika perkhidmatan tidak digunakan selama tiga (3) bulan dari tarikh terakhir anda log masuk atau mendaftar atau sebarang tempoh masa yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh HLBB/HLISB mengikut budi bicaranya tanpa sebarang notis awal berhubung penyahaktifan tersebut. Untuk menggunakan semula perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect, anda perlu mengaktifkan semula perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect mengikut klausula 5.9.1 (b) yang terkandung.
- (m) HLBB/HLISB boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya dan pada bila-bila masa, menggantung, menyekat atau menamatkan akses anda kepada perkhidmatan Pengesahan Biometrik Connect tanpa perlu memberikan apa-apa sebab bagi apa-apa penggantungan, sekatan atau penamatan tersebut.

7.0 Perkhidmatan Perbankan Connect Online dan Connect Mobile

7.1 Perkhidmatan Baharu/Tambahan - Sekiranya HLBB/HLISB menawarkan perkhidmatan baru atau tambahan, penerimaan anda mengikut cara yang ditetapkan oleh HLBB/HLISB dan penggunaan perkhidmatan baharu atau tambahan itu hendaklah mengikut Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma dan syarat tambahan (jika ada) sebagaimana yang ditetapkan oleh HLBB/HLISB.

7.2 Undang-undang dan Peraturan yang Mentadbir Akaun Anda - Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan undang-undang, peraturan, terma dan syarat yang mentadbir dan mengawal selia Akaun. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara terma dan syarat /undang-undang dan peraturan dengan Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.

7.3 Jenis Perkhidmatan yang Terdapat dalam **Connect Online** termasuk dan tidak terhad kepada yang berikut:

(a) Tetap

- Menyesuaikan akaun anda untuk membolehkan hanya paparan dalam talian atau untuk membolehkan pembayaran & pemindahan
- Ubah had transaksi dalam talian untuk Pemindahan HLB pihak ke-3, Pindahan Segera, IBG, Transaksi Bil/Runcit Dalam Talian, Tambah Nilai Prabayar, Pemindahan HLEBroking, Tambah Nilai Kad Debit Junior, Peletakan Deposit Tetap MACH dan had transaksi Pengeluaran ATM (Tanpa Kad)
- Mengemas kini maklumat hubungan
- Mata Wang Bersamaan Default
- Mengubah Kata Laluan
- Mengubah Gambar Keselamatan
- Mengubah Soalan Keselamatan

(b) Gambaran Keseluruhan

- Mendapat butiran akaun, baki dan sejarah transaksi

(c) Bayar & Transaksi

- Pindahan Akaun Sendiri (dikenali sebagai “Pindahan Sendiri” di Connect Mobil)
 - Memindahkan dana antara akaun Semasa/Simpanan anda
 - Membuat pembayaran kepada Kad Kredit sendiri dan akaun Pinjaman/Pembiayaan
 - Pindahan Akaun Lain (dikenali sebagai “Pindahan Lain” di Connect Mobil)
 - Memindahkan dana ke akaun Semasa/Simpanan pihak ketiga, Kad Kredit, Pinjaman/Pembiayaan Hong Leong (tertakluk pada had harian pemindahan pihak ke-3 HLB)
 - Pemindahan dana serta merta ke akaun perbankan bank lain yang menyertai rangkaian MEPS Inter Bank Fund Transfer (tertakluk pada jumlah had harian pemindahan dana antara bank)
 - Pemindahan dana Interbank Giro (IBG) ke mana-mana akaun perbankan bank lain yang menyertai rangkaian Payments Network Malaysia (PayNet) (tertakluk pada jumlah had harian pemindahan dana antara bank)
 - Menguruskan akaun Kegemaran
- Pembayaran Bil (dikenali sebagai “Pay Bills” di Connect Mobil)
 - Membuat pembayaran & pembelian kepada Korporat Penerima di dalam Malaysia
 - Menguruskan Pemberi Bil Kegemaran
- Melakukan Tambah Nilai (dikenali sebagai “Reload Mobile” di Connect Mobil)
 - Isi semula Kad Debit Junior
 - Perkhidmatan Prabayar
 - Menguruskan Isi Semula Kegemaran
- Transaksi Dalam Talian (dikenali sebagai “View Online Transaction” di Connect Mobil)
 - Melihat butiran transaksi dalam talian yang berjaya dan gagal
 - Memeriksa dan membatalkan Arahan Tetap (Standing Instruction, SI) bertarikh akan datang
- DuitNow
 - Pemindahan dana menggunakan ID DuitNow penerima, di dalam atau di antara bank yang berbeza di Malaysia (tertakluk kepada had harian pemindahan dana antara bank)

- Mengurus tetapan ID DuitNow, termasuklah pendaftaran ID biasa / pembatalan pendaftaran.
- (d) Pindahan Telegraf
- Buat Pindahan telegraf ke Bank penerima lain
 - Tambah / Edit / Hapus akaun Kegemaran
- (e) Penyata / Invois
- Melihat dan meminta penyata akaun
 - Melanggan kepada penyata e-mel
 - Hentikan penyata salinan kertas
- (f) Mohon E-Produk
- e-Wasiat / e-Will
- Memohon e-Wasiat atau e-Will
 - Memeriksa status permohonan
- e-Deposit Tetap (eFD) / Deposit Tetap Islam Dalam Talian Hong Leong (eFD-i)
- Buka akaun eFD/eFD-i baharu dan melaksanakan Peletakan eFD/eFD-i*
 - Melakukan Pengeluaran eFD/eFD-i dan Pengeluaran FD/-i Tanpa Sijil
 - Melaksanakan Peletakan eFD/eFD-i menggunakan dana daripada Hong Leong CASA/-i atau melalui FPX daripada bank-bank lain
- Pindahan Baki (BT)
- Mohon untuk Pindahan Baki
 - Periksa kelayakan dan status permohonan**
- Call-For-Cash (CFC)
- Mohon untuk Call-For-Cash
 - Periksa kelayakan dan status permohonan**
- Pelan Pembayaran Fleksi (FPP)
- Mohon Pelan Pembayaran Fleksi
 - Periksa kelayakan dan status permohonan***
- Pinjaman / Pembiayaan Peribadi-i
- Mohon Pinjaman / Pembiayaan Peribadi-i****
 - Memeriksa status permohonan ****
- Kad Kredit
- Mohon Kad Kredit Hong Leong Bank****
 - Memeriksa status permohonan ****
- Credit Shield Premier
- Mohon Untuk Credit Shield Premier *****
 - Memeriksa status permohonan *****
- Insuran Kembara
- Mohon untuk Insuran Kembara
 - Memeriksa status permohonan

Nota: *Tiada resit deposit tetap/deposit bertempoh-i yang akan dikeluarkan. Selepas peletakan yang berjaya, Resit Transaksi Hong Leong Connect akan dikeluarkan yang mengandungi butiran transaksi peletakan.

**Ini hanya disediakan untuk semua pemegang kad kredit HLBB dan/atau HLISB yang sedia ada. Selepas menyerahkan permohonan, anda dengan serta merta akan menerima salah satu daripada status berikut: Berjaya / Diterima untuk Diproses / Gagal. Status 'Berjaya' bermakna anda akan menerima saluran tunai dalam masa 24 jam jika anda memilih CASA dan dalam masa 3 hari jika anda memilih akaun bank lain di Malaysia. Status 'Gagal' bermakna permohonan anda telah ditolak. Status 'Diterima untuk Diproses' bermakna status 'Berjaya' atau 'Gagal' tidak dapat ditentukan secara serta merta. Anda digalakkan untuk log masuk ke Connect kemudian untuk memeriksa status.

***Ini hanya disediakan untuk semua pemegang kad kredit HLBB dan/atau HLISB yang sedia ada. Selepas menyerahkan permohonan, anda dengan serta merta akan menerima salah satu daripada status berikut: Berjaya / Diterima untuk Diproses / Gagal. Status 'Berjaya' bermakna baki kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam permohonan anda akan ditukar menjadi FPP dalam beberapa jam lagi. Status 'Gagal' bermakna permohonan anda telah ditolak. Status 'Diterima untuk Diproses' bermakna status 'Berjaya' atau 'Gagal' tidak dapat ditentukan secara serta merta. Anda digalakkan untuk log masuk ke Connect kemudian untuk memeriksa status.

****Perkhidmatan ini disediakan untuk semua pelanggan HLBB dan HLISB kecuali pekerja HLBB dan/atau HLISB. Pekerja HLBB dan HLISB boleh menghantar permohonan mereka untuk produk ini melalui Sumber Manusia HLBB/HLISB.

***** Ini hanya disediakan untuk semua pemegang kad kredit HLBB dan / atau HLISB yang sedia ada. Setelah menyerahkan permohonan, anda akan menerima salah satu daripada status berikut: Berjaya / Diterima Untuk Diproses / Gagal. Status 'Berjaya' bermaksud permohonan anda untuk Credit Shield Premier telah berjaya diproses oleh HLBB dan / atau HLISB. Tarikh perlindungan liputan akan berkuat kuasa dari Lembaran Pendedahan Produk dan Lampiran Polisi CSP yang diberikan oleh Hong Leong Assurance Berhad. Status 'Gagal' bermaksud permohonan anda telah ditolak. Status 'Diterima untuk Pemrosesan' bermakna status 'Berjaya' atau 'Gagal' tidak dapat ditentukan dengan segera. Anda digalakkan untuk log masuk ke Connect kemudian untuk semak statusnya.

(g) Perkhidmatan Lain

Mendapat Ganjaran

- Pertanyaan mata ganjaran dan penebusan hadiah
- Pertanyaan dan penebusan HL Ganjaran bagi Kad Fortune

Kad ATM / Debit

- Cipta PIN/Tukar PIN***
- Set semula PIN
- Tetapan Pengeluaran Luar Negara & Kad Debit*
- Menukar had pembelian runcit/internet
- Menukar had pengeluaran/pindahan tunai ATM
- Melaporkan kad ATM/Debit yang hilang / dicuri & penipuan

Menguruskan Cek

- Pertanyaan status cek
- Menghentikan pembayaran cek yang telah dikeluarkan
- Permintaan buku cek

Kad Kredit

- Cipta PIN/ Tukar PIN****
- Set semula PIN****
- Melaporkan kad kredit hilang / dicuri
- Permintaan untuk meningkatkan had kredit
- Pemberitahuan Perjalanan Luar Negara
- Permintaan penggantian kad
- Tanya / tebus mata ganjaran

HLe Broking

- Menghantar anda ke laman utama sesawang HLe Broking
- Mendaftar masuk secara automatik ke HLe Broking jika:
 - anda memiliki akaun HLBB yang layak untuk ciri pautan langsung dan anda mempunyai akaun perdagangan saham dengan HLIB

Nota:

*Anda boleh memilih mana-mana satu atau semua perkhidmatan yang ditawarkan iaitu 1) Pesanan Mel / Telefon (MOTO) dan Auto Debit; 2) Pengeluaran ATM Luar Negara; 3) Pembelian Runcit Luar Negara dan 4) Pembelian Internet Bukan-3D**.

**Pembelian Internet Bukan 3D adalah pembelian runcit melalui Internet di mana transaksi Kad Debit diterima tanpa memerlukan "Kata Laluan Satu Kali (OTP)".

***Perkhidmatan ini terpakai untuk Kad Debit dan Kad Kredit sahaja.

(h) MACH

Peti Wang

- Menyesuaikan ciri Akaun
- Mendaftar/membatalkan saluran mudah MyPal
- Menutup Akaun
- Mengaktifkan Semula Akaun

Tabung Impian

- Mencipta akaun matlamat baharu
- Sasaran penjimatan Fast Track
- Melaksanakan Pengeluaran akaun separa atau penuh

Deposit Tetap (FD)

- Membuka akaun FD baharu atau melaksanakan Peletakan FD
- Melaksanakan Pengeluaran FD

Kad Kredit

- Mengubah Pakej Gaya Hidup dan kategori Tambahan

Perkhidmatan MACH

- Memilih Akaun Utama untuk Kad Debit
- Melihat Sejarah Aktiviti

(i) Pembayaran & Pembelian Dalam Talian

- Melaksanakan pembayaran atau pembelian dalam talian menggunakan Kad Kredit/Kad Kredit Maya Hong Leong atau daripada akaun Semasa/Simpanan Hong Leong kepada Peniaga HLBB melalui laman web peniaga (epay)
- Melaksanakan pembayaran atau pembelian dalam talian daripada akaun Semasa/Simpanan Hong Leong kepada peniaga yang menyertai rangkaian PayNet. Ketahui lebih lanjut di <http://www.paynet.my>

(j) Akaun Pelaburan

Lihat Akaun Pelaburan anda melalui dalam talian mengikut kumpulan produk berikut:

- Hong Leong Invest Safe (HLIS)
- Unit Amanah

- Produk Berstruktur/FRNID/Bon Runcit

(k) Akaun Pelaburan-i

- Buka akaun IA-i yang baru dan melakukan langganan bagi produk baru IA-i.
- Melakukan penebusan bagi produk IA-i.

(l) Kadar FX

- Lihat kadar tukaran mata wang asing yang tidak terhad pada mata wang utama yang ada untuk tukaran di HLB/HLISB. Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan kami.

7.4 Jenis Perkhidmatan yang Terdapat dalam Connect Mobile termasuk dan tidak terhad kepada yang berikut:

(a) Gambaran Keseluruhan

- Mendapat butiran akaun, baki dan sejarah transaksi

(b) Bayar & Transaksi

Pemindahan Akaun Sendiri

- Memindahkan dana antara akaun Semasa/Simpanan anda
- Membuat pembayaran kepada Kad Kredit sendiri dan akaun Pinjaman/Pembiayaan

Pemindahan Akaun Lain

- Memindahkan dana ke akaun Semasa/Simpanan Hong Leong pihak ketiga Kegemaran, Kad Kredit, akaun Pinjaman/Pembiayaan (tertakluk pada had harian pemindahan pihak ke-3 HLB)
- Pindahan dana serta merta ke akaun perbankan Kegemaran dalam bank lain yang menyertai rangkaian Pindahan Segera MEPS (tertakluk pada jumlah had harian pemindahan dana antara bank)
- Pemindahan dana Interbank Giro (IBG) ke dalam akaun perbankan Kegemaran bank lain yang menyertai rangkaian PayNet (tertakluk pada jumlah had harian pemindahan dana antara bank)

Pemindahan Dana Terbuka

- Pengguna Connect Mobile boleh memindahkan dana dari akaun simpanan atau semasa HLBB/HLISB mereka ke akaun perbankan HLBB/HLISB pihak ketiga atau akaun perbankan di bank lain melalui aplikasi Connect Mobile mereka.
- Untuk melaksanakan Pindahan Dana Terbuka, opsyen 'Pindahan Dana Terbuka' perlu dipilih, dan selepas itu pengguna Connect Mobile perlu mengikuti arahan langkah demi langkah yang ditunjukkan dalam aplikasi Connect Mobile.
- Atas sebab keselamatan tambahan, pengguna iOS dan Android hanya dibenarkan memindahkan sehingga RM5,000 sahaja. TAC diperlukan bagi tujuan pengesahan.

DuitNow

- Pemindahan dana menggunakan ID DuitNow penerima, di dalam atau di antara bank yang berbeza di Malaysia (tertakluk kepada had harian pemindahan dana antara bank)
- Mengurus tetapan ID DuitNow, termasuklah pendaftaran ID biasa / pembatalan pendaftaran.

Permohonan

Pengguna Connect Mobile boleh memohon e-produk berikut:

- Deposit Tetap Dalam Talian (e-FD)/ Deposit Tetap Islam Dalam Talian Hong Leong (eFD-i)
 - Membuka akaun e-FD/eFD-i baharu dan melaksanakan Peletakan eFD/eFD-i*
 - Melaksanakan Pengeluaran eFD/eFD-i dan FD-i Tanpa Sijil

- Melaksanakan Perletakkan eFD/eFD-i menggunakan dana daripada Hong Leong CASA/i atau melalui FPX daripada bank-bank lain.
- ii. Pindahan Baki (BT)
- Mohon untuk Pindahan Baki
 - Periksa kelayakan dan status permohonan**
- iii. Call-For-Cash (CFC)
- Mohon untuk Call-For-Cash
 - Periksa kelayakan dan status permohonan**
- iv. Pelan Pembayaran Fleksi (FPP)
- Mohon Pelan Pembayaran Fleksi
 - Periksa kelayakan dan status permohonan***

*Nota: Tiada resit deposit tetap-i dan resit transaksi akan dikeluarkan tetapi peletakan akan ditunjukkan dalam sejarah transaksi akaun anda.

**Ini hanya disediakan untuk semua pemegang kad kredit HLBB dan/atau HLISB yang sedia ada. Selepas menyerahkan permohonan, anda dengan serta merta akan menerima salah satu daripada status berikut: Berjaya / Diterima untuk Diproses / Gagal. Status 'Berjaya' bermakna anda akan menerima pembayaran tunai dalam masa 24 jam jika anda memilih CASA dan dalam masa 3 hari jika anda memilih CASA bank lain di Malaysia. Status 'Gagal' bermakna permohonan anda telah ditolak. Status 'Diterima untuk Diproses' bermakna status 'Berjaya' atau 'Gagal' tidak dapat ditentukan secara serta merta. Anda digalakkan untuk log masuk ke Connect kemudian untuk memeriksa status.

***Ini hanya disediakan untuk semua pemegang kad kredit HLBB dan/atau HLISB yang sedia ada. Selepas menyerahkan permohonan, anda dengan serta merta akan menerima salah satu daripada status berikut: Berjaya / Diterima untuk Diproses / Gagal. Status 'Berjaya' bermakna baki kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam permohonan anda akan ditukar menjadi FPP dalam beberapa jam lagi. Status 'Gagal' bermakna permohonan anda telah ditolak. Status 'Diterima untuk Diproses' bermakna status 'Berjaya' atau 'Gagal' tidak dapat ditentukan secara serta merta. Anda digalakkan untuk log masuk ke Connect kemudian untuk memeriksa status.

Pembayaran Bil

- Membuat pembayaran & pembelian kepada Korporat Penerima Kegemaran di dalam Malaysia

Pembayaran Bil Pukal

- Buat pembayaran sehingga 5 Korporat Penerima Kegemaran yang berbeza di dalam Malaysia dalam satu (1) permintaan tunggal.

Perkhidmatan Kad Kredit

- Aktifkan Kad
- Aktifkan Kad untuk Pembelian Dalam Talian
- Permintaan Meningkatkan Had Kredit
- Pemberitahuan Perjalanan Luar Negara
- Permintaan Penggantian Kad
- Lihat 5 Transaksi Lepas Yang Dibenarkan

(c) Transaksi Pengeluaran Connect ATM

- Pilih akaun perbankan HLBB/HLISB anda untuk transaksi Pengeluaran ATM melalui Connect Mobile
- Mengeluarkan wang tunai di Malaysia dari akaun perbankan HLBB/ HLISB pilihan anda tanpa menggunakan Kad ATM atau Kad Debit
- Kod Pengeluaran Connect ATM akan diberikan selepas setiap permintaan berjaya untuk transaksi Pengeluaran ATM melalui Connect Mobile
- Lihat status transaksi Pengeluaran Connect ATM pada Connect Mobile anda
- Tukar akaun perbankan HLBB/HLISB anda untuk Pengeluaran Connect ATM

- Daftar keluar perkhidmatan Pengeluaran Connect ATM

(d) Akaun Pelaburan & Akaun Pelaburan-i

- Melihat butiran Akaun Pelaburan dan Akaun Pelaburan-i dalam talian.

(e) Sejarah Transaksi

- Melihat butiran transaksi yang berjaya dan gagal

(f) Tetapan

Tindakan berikut boleh dilakukan dalam Tetapan dan tidak terhad kepada yang berikut

- Membatalkan pendaftaran peralatan mobile atau tablet
- Tukar bahasa pilihan: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina. (hanya terdapat pada Connect Mobile)
Nota: Jika ada percanggahan antara bahasa dan maknanya, Bank akan merujuk kepada Bahasa Inggeris sebagai representasi muktamad.
- Daftar atau daftar keluar Fingerprint Authentication
- Aktifkan atau matikan AppAuthorise
- Tetapan Pemberitahuan Tolak
- Tetapan Pengeluaran Luar Negara & Kad Debit

(g) Kadar FX

- Lihat Kadar Tukaran Mata Wang Asing terkini yang tidak terhad pada mata wang utama yang ada untuk tukaran di HLB/HLISB. Untuk butiran lanjut, sila kunjungi laman web korporat HLBB di www.hlb.com.my.

(h) Pembayaran & Pembelian Runcit Dalam Talian

- Melaksanakan pembayaran atau pembelian dalam talian menggunakan Kad Kredit Hong Leong atau daripada akaun Semasa/Simpanan Hong Leong kepada Peniaga HLBB melalui laman web peniaga (epay)
- Melaksanakan pembayaran atau pembelian dalam talian daripada akaun Semasa/Simpanan Hong Leong kepada peniaga yang menyertai rangkaian PayNet. Ketahui lebih lanjut di <http://paynet.my>

(i) Penyata Dalam Talian

- Lihat Penyata Dalam Talian
- Muat Turun Penyata Dalam Talian

(j) Pengurusan arahan tetap yang akan datang

- Lihat arahan tetap akan datang yang dibuat menggunakan Connect Online.
- Langkau/batal arahan tetap yang dipilih

7.5 Untuk transaksi atau perkhidmatan yang memerlukan TAC:

(a) Anda boleh meminta TAC melalui Connect di mana TAC akan dihantar melalui SMS ke nombor telefon mobil anda, yang telah didaftarkan terlebih dahulu dengan HLBB/HLISB. Tempoh penghantaran TAC bergantung pada tahap perkhidmatan Pembekal Perkhidmatan Rangkaian Mobile anda.

(b) Jika anda meminta TAC lebih dari sekali, TAC yang diminta sebelum ini akan dikira tidak sah dan permintaan terkini menjadi TAC yang sah untuk digunakan dalam Connect.

(c) Anda akan diminta memasukkan TAC setiap kali salah satu atau kombinasi transaksi bukan-kegemaran ("Transaksi Bukan-Kegemaran") yang berikut dilakukan melalui Connect Mobil yang mempunyai jumlah kumulatif sebanyak RM250 ("Had Kumulatif"):

- 3rd Party HLB/IBG/Pindahan Segera
- DuitNow
- Pembayaran Bil

TAC diperlukan setiap kali Transaksi Bukan-Kegemaran sampai ke Had Kumulatif seperti yang diterangkan diatas.

7.6 Pembayaran Bil & Pembelian Dalam Talian

(a) Anda boleh menggunakan perkhidmatan Pembayaran Bil untuk menyelesaikan bil atau polisi tertunggak anda dengan Korporat Penerima sahaja dan anda dengan ini bersetuju untuk mematuhi prosedur, keperluan dan terma pada masa tersebut bagi setiap Korporat Penerima, berhubung dengan penyelesaian bil atau polisi masing-masing.

(b) Anda perlu membayar bil atau polisi sepenuhnya dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Korporat Penerima. HLBB/HLISB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang perbelanjaan, kerugian atau kerosakan yang dialami akibat kegagalan mematuhi klausa ini.

(c) Akaun akan didebitkan serta merta selepas arahan pembayaran diterima oleh HLBB/HLISB melalui perkhidmatan Pay Bills.

(d) HLBB/HLISB akan melindungi anda daripada sebarang kerugian yang dialami sekiranya HLBB/HLISB atas sebab cuai atau sengaja ingkar, gagal membayar Korporat Penerima yang berkaitan pada tarikh matang selepas diarahkan oleh anda.

(e) Anda hendaklah menerima rekod transaksi HLBB/HLISB yang diproses menggunakan perkhidmatan Pay Bills sebagai muktamad dan terikat untuk semua tujuan sekalipun.

(f) HLBB/HLISB mungkin dari semasa ke semasa dengan notis awal meminda senarai Korporat Penerima atau mengubah skop atau menarik balik perkhidmatan Pay Bill secara keseluruhan atau sebahagian dan HLBB/HLISB tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang mungkin dialami oleh anda atau mana-mana pihak ketiga akibat tindakan sedemikian.

7.7 Maklumat Akaun Disampaikan melalui Connect

(a) HLBB/HLISB akan berusaha untuk memastikan bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan Akaun anda dibentangkan dengan tepat di Connect. Walau apa pun, anda mengakui bahawa HLBB/HLISB tidak menjamin ketepatan maklumat tersebut. Sekiranya anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa maklumat tersebut tidak tepat, anda akan melaporkan pada HLBB/HLISB yang akan menyiasat dan menyelesaikan ketidaktepatan dalam masa tujuh (7) hari perniagaan.

(b) Anda mengakui bahawa maklumat Akaun anda seperti yang dikemukakan kepada anda melalui Connect mungkin tidak selalu benar-benar terkini kerana terdapat kemungkinan transaksi yang belum diproses, disahkan atau dibenarkan sepenuhnya oleh HLBB/HLISB atau pihak ketiga (mengikut kes tertentu). Oleh itu, HLBB/HLISB diwajibkan melayani pertanyaan anda tentang mana-mana Akaun anda yang berkaitan dengan Connect.

(c) Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara maklumat Akaun yang dilaporkan di **Connect** dan sistem utama HLBB/HLISB (sistem perbankan Hos), maklumat Akaun seperti yang dilaporkan oleh sistem utama dan boleh diakses di cawangan HLBB/HLISB akan diguna pakai.

(d) Bagi akaun di mana Kenyataannya disediakan oleh HLBB/HLISB seperti yang dipersetujui Terma dan Syarat produk, semua transaksi dan arahan yang dijalankan melalui Connect akan dimasukkan ke dalam Penyata. Anda bersetuju untuk bertanggungjawab mengesahkan semua transaksi dan maklumat dalam Penyata dan memaklumkan HLBB/HLISB mengenai sebarang percanggahan sama ada memihak kepada anda atau sebaliknya dalam masa empat belas (14) hari.

7.8 Transaksi Pengeluaran Connect ATM

(a) Transaksi Pengeluaran Connect ATM membenarkan anda mengeluarkan wang tunai dari akaun perbankan HLBB/HLISB pilihan anda tanpa menggunakan Kad ATM atau Kad Debit

(b) Selepas anda mengesahkan transaksi Pengeluaran ATM melalui Connect Mobile. HLBB/HLISB dan/atau pembekal khidmatnya akan menghantar SMS kepada anda memberitahu bahawa wang tunai tersedia untuk pengeluaran di mana-mana terminal HLBB/HLISB dalam tempoh masa yang ditetapkan.

(c) Transaksi Pengeluaran Connect ATM akan diproses daripada akaun perbankan HLBB/HLISB yang anda pilih pada hari yang sama. Sementara menunggu pengeluaran dalam tempoh masa yang ditetapkan, akaun HLBB/HLISB yang anda pilih akan ditandakan bagi amaun yang akan dikeluarkan ("Amaun Pengeluaran yang Ditandakan") Amaun Pengeluaran yang Ditandakan akan dimasukkan kembali ke akaun perbankan HLBB/HLISB yang anda pilih pada akhir tempoh masa yang ditetapkan, jika anda tidak mengeluarkan Amaun Pengeluaran yang Ditandakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dalam situasi ini, anda dikehendaki melakukan transaksi Pengeluaran ATM yang baru.

(d) Pengeluaran daripada ATM:

- i. Anda memerlukan Kod Pengeluaran Connect ATM untuk mengeluarkan Amaun Pengeluaran yang Ditandakan.
- ii. Kod Pengeluaran ATM akan diberikan selepas setiap permintaan berjaya untuk transaksi Pengeluaran ATM melalui Connect.
- iii. Jika Kod Pengeluaran Connect ATM diberikan/didedahkan kepada mana-mana orang lain, orang tersebut boleh mengeluarkan wang tunai di mana-mana terminal ATM HLBB/HLISB.
- iv. Anda perlu pergi ke mana-mana terminal ATM HLBB/HLISB, pilih "Connect ATM Withdrawal" dan lengkapkan ruang berikut ("Data Transaksi ATM"):
 - Kod Pengeluaran Connect ATM
 - Jumlah Amaun Pengeluaran yang Ditandakan yang tepat yang anda akan keluarkan
- v. Jika mana-mana butiran ini dimasukkan secara salah, pengambilan Amaun Pengeluaran yang Ditandakan mungkin gagal. Semua butiran yang dimasukkan oleh anda di terminal ATM HLBB/HLISB perlu tepat.
- vi. Amaun Pengeluaran yang Ditandakan akan dimasukkan kembali ke akaun perbankan HLBB/HLISB yang anda pilih pada akhir tempoh masa yang ditetapkan, jika anda tidak mengeluarkan Amaun Pengeluaran yang Ditandakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dalam situasi ini, anda dikehendaki melakukan transaksi Pengeluaran ATM yang baru.

(e) HLBB/HLISB tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang anda alami akibat:

- Anda mendedahkan Data Transaksi pengeluaran ATM kepada orang lain. DATA TRANSAKSI Pengeluaran ATM ANDA ADALAH RAHSIA. HLBB/HLISB SAMA SEKALI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB JIKA ANDA MENDEDAHKAN MAKLUMAT RAHSIA INI KEPADA ORANG LAIN.

(f) HLBB/HLISB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh anda atau pihak ketiga lain akibat:

- Pihak ketiga menyedari tentang Data Transaksi pengeluaran ATM selain daripada akibat penipuan atau kecuaiannya pekerja atau ejen HLBB/HLISB sehingga jumlah maksimum bersamaan dengan had transaksi harian default yang ditetapkan oleh HLBB/HLISB.
- Sekiranya Data Transaksi Pengeluaran ATM yang dimasukkan semasa mengeluarkan Amaun Pengeluaran yang Ditandakan adalah salah
- Kegagalan anda untuk mengeluarkan Amaun Pengeluaran yang Ditandakan dari mana-mana Terminal ATM HLBB/HLISB dalam tempoh masa yang ditetapkan atas apa juga sebab.
- Sekiranya HLBB/HLISB melewatkan, menyekat atau enggan memproses transaksi Pengeluaran ATM atas apa-apa sebab
- HLBB/HLISB SAMA SEKALI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP MESEJ PEMBERITAHUAN YANG TIDAK SAMPAI ATAU YANG LEWAT

7.9. Penghantaran SMS berhubung dengan transaksi Pengeluaran ATM

(a) HLBB/HLISB dan/atau pembekal khidmatnya tidak bertanggungjawab dan tiada kawalan terhadap kesesakan perhubungan SMS, kegagalan dan/atau gangguan rangkaian yang mungkin dialami oleh Pembekal Perkhidmatan Rangkaian Mobile semasa menghantar SMS kepada anda yang mungkin

mengakibatkan kegagalan atau kelewatan penghantaran SMS selepas anda meminta transaksi Pengeluaran ATM.

(b) Anda bertanggungjawab untuk memastikan butiran hubungan anda dikemaskini, tepat dan lengkap. Jika tidak, HLBB/HLISB dan/atau pembekal khidmatnya tidak bertanggungjawab terhadap SMS yang tidak diterima selepas anda meminta transaksi Pengeluaran ATM.

(c) HLBB/HLISB dan/atau pembekal khidmatnya tidak menanggung liabiliti atau bertanggungjawab sekiranya anda dan/atau Pembekal Perkhidmatan Rangkaian Mobile Penerima anda tidak dapat menyokong untuk menerima sebarang SMS dari HLBB/HLISB disebabkan oleh sebarang sebab dan anda bertanggungjawab memastikan bahawa anda dan/atau Pembekal Perkhidmatan Rangkaian Mobile Penerima boleh menerima mesej SMS dari HLBB/HLISB dan/atau pembekal khidmatnya sebelum menggunakan perkhidmatan.

7.10 Kesediaan Perkhidmatan

(a) Connect disediakan tujuh (7) hari seminggu mulai 12.10 a.m. hingga 11.55 p.m. setiap hari melainkan HLBB/HLISB memaklumkan anda sebaliknya atau atas apa-apa sebab di luar kawalan HLBB/HLISB. Sepanjang tempoh antara 11.55 p.m. hingga 12.10 a.m. setiap hari, anda hanya dapat lihat baki Akaun anda dan melaksanakan Pindahan Akaun Sendiri atau pindahan dana dari akaun simpanan atau semasa HLBB/HLISB anda ke akaun perbankan HLBB/HLISB pihak ketiga. HLBB/HLISB tidak menjamin bahawa Connect akan tersedia sepanjang masa.

(b) Sekiranya Connect tidak tersedia, anda boleh melakukan transaksi anda di mana-mana cawangan HLBB/HLISB atau menggunakan perkhidmatan perbankan alternatif lain yang tersedia untuk anda.

(c) HLBB/HLISB berhak untuk menyahaktifkan akaun anda dalam Connect jika perkhidmatan tidak digunakan selama tiga (3) bulan atau apa-apa tempoh masa yang ditentukan oleh HLBB/HLISB mengikut budi bicaranya tanpa sebarang notis awal tentang nyahaktif tersebut.

(d) Kebolehpercayaan Maklumat – Maklumat termasuk dan tidak terhad kepada kadar faedah, kadar tukaran mata wang asing, maklumat produk yang disebut atau disediakan oleh **Connect** adalah sebagai petunjuk sahaja. Kadar atau harga sebenar yang akan dikenakan bagi transaksi tertentu hanya boleh ditentukan pada masa transaksi yang berkaitan dimulakan.

7.11 AppAuthorise dan perkhidmatan yang memerlukan AppAuthorise

AppAuthorise terpakai untuk transaksi bukan-kegemaran berjumlah RM10,000 dan ke atas bagi yang berikut: IBG/ Pindahan Segera, Pembayaran Bil (termasuk pembayaran bil melalui JomPAY), kiriman wang & pindahan dana ke akaun bank lain. Transaksi berjumlah RM10,000 dan ke atas hanya disediakan melalui Connect Online. Walau bagaimanapun, anda perlukan Aplikasi Connect untuk membenarkan atau menolak transaksi.

(a) Untuk mengaktifkan AppAuthorise melalui Aplikasi Connect, ketik "Settings"> "Profile"> "Login & Security" dan pilih "Enable AppAuthorise". Hanya satu peranti boleh didaftarkan untuk satu nama pengguna Connect.

(b) Pemberitahuan AppAuthorise akan dihantar secara automatik ke peranti yang diaktifkan melalui pemberitahuan tolak apabila Connect mengesan anda melakukan transaksi bukan kegemaran berjumlah RM10,000 dan ke atas pada Connect Online.

(c) Pada skrin AppAuthorise anda dikehendaki mengetik "Authorise" untuk mengesahkan atau "Reject" untuk menolak transaksi yang dilakukan melalui Connect Online.

(d) Untuk mematikan AppAuthorise melalui Aplikasi Connect, ketik "Settings"> "Profile"> "Login & Security" dan pilih "Disable AppAuthorise". Anda hanya boleh mematikan AppAuthorise pada peranti dimana ia diaktifkan sebelum ini. AppAuthorise juga akan dimatikan secara automatik apabila anda membatalkan peranti anda dari Aplikasi Connect.

8.0 Arahan

8.1 Semua transaksi yang dijalankan melalui Kod Keselamatan, akan dianggap sebagai arahan dan kebenaran diberikan oleh anda kepada HLBB/HLISB dan HLBB/HLISB adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk bergantung dan bertindak menurut arahan yang diberikan oleh atau bagi pihak anda tanpa menanyakan identiti orang yang memberi atau berupa memberikan arahan atau kesahihan arahan sedemikian dan HLBB/HLISB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penyalahgunaan atau penggunaan mesej atau arahan yang tidak dibenarkan yang diberikan kepada HLBB/HLISB. Walaupun suatu transaksi boleh dipertikaikan oleh anda atas apa jua alasan termasuk sebab bahawa orang yang memberi arahan itu bukan anda, HLBB/HLISB berhak untuk menerima arahan tersebut sebagai mengikat anda dan HLBB/HLISB berhak mengambil langkah sedemikian yang berkait dengan atau bergantung kepada arahan tersebut. HLBB/HLISB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan dan perbelanjaan yang dialami oleh anda atau orang lain akibat mematuhi arahan tersebut.

8.2 Selepas dikeluarkan atau dihantar, arahan tersebut tidak boleh dibalikkan dan akan menjadi bukti muktamad bahawa arahan itu datang daripada anda.

8.3 Anda hendaklah memastikan bahawa arahan yang dikeluarkan adalah lengkap, tepat dan betul.

8.4 HLBB/HLISB berhak untuk mendebitkan Akaun anda serta merta selepas penyempurnaan sebarang transaksi yang diarahkan oleh anda melalui **Connect** menggunakan Kod Keselamatan anda.

8.5 Anda boleh mengeluarkan arahan untuk membatalkan, menarik balik, membalikkan atau meminda arahan anda yang terdahulu dan HLBB/HLISB hanya boleh mematuhi arahan seterusnya dengan syarat arahan terdahulu belum dilaksanakan.

8.6 HLBB/HLISB berhak untuk tidak mematuhi arahan anda jika tidak selaras dengan dasar atau peraturan HLBB/HLISB yang berkuat kuasa pada masa ini.

9.0 Rekod Transaksi

9.1 Sebarang Arahan yang dihantar atau diterima oleh HLBB/HLISB selepas tamat masa pemprosesan yang berkaitan pada mana-mana Hari Perniagaan akan dianggap sebagai diberikan dan diproses pada Hari Perniagaan yang berikutnya. Masa tamat untuk pemprosesan Arahan dan transaksi mungkin diubah oleh HLBB/HLISB dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan memberikan notis awal.

9.2 Transaksi yang belum disahkan atau diproses oleh HLBB/HLISB tidak akan muncul pada baki Akaun yang berkaitan yang disediakan untuk anda melalui skrin **Connect** dan tidak boleh menjadi keadaan muktamad Akaun yang berkaitan.

9.3 HLBB/HLISB akan mengeluarkan kenyataan untuk Akaun mengikut Terma dan Syarat Akaun yang berkaitan, yang akan merangkumi transaksi yang dilaksanakan melalui **Connect**. Penyata Akaun sedemikian adalah bukti yang mengikat dan muktamad mengenai transaksi sedemikian yang dilaksanakan oleh anda.

10.0 Had Transaksi

10.1 Melainkan jika diarahkan oleh anda atau jika anda tidak memilih had untuk melaksanakan transaksi melalui **Connect**, HLBB/HLISB berhak untuk menentukan dan mengenakan apa-apa had sama ada dalam amaun, kekerapan dan penggunaan atau sebaliknya bagi mana-mana **Connect** dan/atau Kod Keselamatan tanpa memberitahu anda untuk tujuan kawalannya. Anda mungkin mengubah had transaksi yang dilaksanakan dengan memberikan notis awal secara bertulis kepada HLBB/HLISB. HLBB/HLISB tidak terikat untuk memastikan bahawa anda tidak melebihi had tersebut.

10.2 HLBB/HLISB berhak meminta anda mengekalkan baki minimum pada satu-satu masa dalam Akaun. Sekiranya baki di dalam Akaun jatuh di bawah syarat baki minimum, HLBB/HLISB boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya mengenakan penalti, menggantung atau menamatkan penggunaan **Connect**.

11.0 Fi Perkhidmatan, Komisen dan Caj

11.1 HLBB/HLISB berhak untuk mengenakan fi perkhidmatan dan caj lain untuk perkhidmatan yang diberikan kepada anda melalui **Connect** Online dan **Connect** Mobile dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk fi perkhidmatan yang ditanggung untuk tujuan memberitahu penerima transaksi pindahan dana anda. Senarai fi dan caj yang dikenakan terdapat di laman web Hong Leong Connect di www.hongleongconnect.my dan sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

11.2 Walau apa pun yuran dan caj perkhidmatan yang dikenakan, transaksi yang dilaksanakan melalui Akaun akan dikenakan caj dan komisen yang biasa. HLBB/HLISB mempunyai hak mutlak untuk mengubah fi, komisen dan caj perkhidmatan tersebut pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada anda.

11.3 Bagi tujuan mengutip fi, komisen dan caj sedemikian, anda dengan ini membenarkan HLBB/HLISB untuk mendebitkan Akaun bagi fi, komisen, caj dan apa-apa caj dan Cukai Kerajaan bagi penggunaan **Connect**.

12.0 Tanggungjawab Anda

12.1 Butiran Keselamatan - Anda hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk memastikan dan mencegah penggunaan **Connect** atau sebahagiannya yang tidak sah dan dengan penipuan dan Kod Keselamatan, termasuk dan tidak terhad kepada yang berikut:-

(a) bahawa Kod Keselamatan, termasuk Kata Laluan, Nama Pengguna, PIN Kad, ID Sementara, TAC dan Soalan Keselamatan anda, disimpan sebagai rahsia, tidak boleh diakses oleh mana-mana orang dan tidak ditulis dalam apa-apa bentuk atau cara yang boleh ditafsir oleh sesiapa atau disimpan bersama atau didedahkan atau diberikan kepada mana-mana orang (termasuk pekerja HLBB/HLISB) dalam apa jua keadaan atau pada bila-bila masa. Sebarang pemberitahuan dihantar kepada anda yang mengandungi Kod Keselamatan, mesti dimusnahkan sebaik sahaja anda menerima dan membacanya. Sebarang e-mel atau SMS yang meminta Kod Keselamatan anda perlu dilaporkan kepada HLBB/HLISB dengan serta-merta;

(b) bahawa anda perlu memastikan bahawa peralatan yang anda gunakan tidak akan membenarkan rakaman aktiviti anda dan anti-spyware dan firewall yang diperlukan dipasang;

(c) bahawa anda memastikan bahawa anda sentiasa log masuk ke URL Connect Online yang betul dan anda telah memeriksa dan mengesahkan (dengan menandakan kotak yang disediakan sebagai pengesahan) bahawa Gambar Keselamatan yang betul dipaparkan;

(d) bahawa anda tidak menggunakan Connect melalui kafe internet atau mana-mana tempat awam yang menawarkan perkhidmatan Internet dan anda perlu log keluar dari Connect sebelum meninggalkan terminal komputer anda;

(e) bahawa anda perlu mendaftar keluar Connect Mobile anda serta-merta apabila anda kehilangan peranti mobile atau tablet anda;

(f) anda perlu menukar Kata Laluan apabila diminta secara berkala untuk berbuat demikian;

(g) Tidak Boleh Pindah Milik: Kod Keselamatan dikeluarkan semata-mata untuk kegunaan anda dan anda tidak boleh memindahkan, mencagar atau menggunakannya sebagai jaminan dalam sebarang bentuk mahupun sebahagian daripada penggunaan yang sama kepada mana-mana orang lain;

(h) Pendedahan Kod Keselamatan: Jika Kod Keselamatan didedahkan atau disyaki didedahkan kepada mana-mana orang, anda perlu segera menukar Kod Keselamatan, bagi melindungi kepentingan anda. HLBB/HLISB tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami dalam keadaan sedemikian.

12.2 Soalan Lazim (FAQ)

Anda perlu membaca dan memahami FAQ sebelum cuba menggunakan Connect dan tidak menjalankan sebarang arahan atau menggunakan Connect dengan kehadiran mana-mana orang lain.

12.3 Baki Akaun

(a) Anda perlu memeriksa dengan kerap dan memantau dengan teliti Akaun dan baki dan memeriksa baki setiap kali sebelum mengeluarkan sebarang arahan kepada HLBB/HLISB.

(b) Anda perlu memaklumkan HLBB/HLISB dengan segera tentang sebarang ketidaktepatan atau ketidakteraturan dalam mana-mana Akaun.

12.4 Kesediaan Dana

(a) Anda hendaklah memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun untuk melaksanakan sebarang transaksi yang anda perlukan, melainkan anda telah membuat pengaturan terlebih dahulu dengan HLBB/HLISB.

(b) HLBB/HLISB tidak berkewajipan untuk menjalankan apa-apa arahan sehingga dan melainkan Akaun yang berkaitan mempunyai dana yang mencukupi.

12.5 Pemegang Akaun Bersama:

Salah satu pemegang akaun boleh mengeluarkan arahan dan memberi kebenaran kepada HLBB/HLISB untuk melaksanakan sebarang transaksi pada akaun bersama. Semua transaksi yang timbul daripada penggunaan Kod Keselamatan, untuk mengendalikan akaun bersama yang ditetapkan adalah mengikat semua pemegang akaun, yang akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan terhadap semua transaksi.

12.6 Jika anda menerima data atau maklumat melalui Connect yang tidak dimaksudkan untuk anda, anda perlu memaklumkan HLBB/ HLISB dengan segera melalui telefon atau e-mel dan memadamkannya.

12.7 Peruntukan ini akan diteruskan walaupun Connect telah ditamatkan.

13.0 Pematuhan Undang-undang yang Lain

Penggunaan **Connect** di luar Malaysia adalah tertakluk kepada Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing Bank Negara Malaysia atau apa-apa keperluan fiskal atau kawalan pertukaran yang berkuatkuasa pada masa ini di negara yang mana transaksi dilaksanakan atau diminta dan undang-undang dan peraturan Malaysia dan negara di mana transaksi itu dilaksanakan atau diminta. Anda dikehendaki mematuhi undang-undang, peraturan dan kawal selia sedemikian apabila menggunakan Connect.

14.0 Liabiliti Pihak-Pihak

14.1 Dengan menggunakan Connect, anda mengakui dan bersetuju:-

(a) untuk menerima risiko yang ada yang berkait dengan pelaksanaan transaksi melalui Internet dan peranti elektronik mobile; dan

(b) Bahawa HLBB/HLISB dan anggota gabungannya tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan, sama ada secara tersurat atau tersirat berkenaan dengan **Connect**, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebolehdagangan dan kesesuaian untuk tujuan tertentu. Tiada maklumat lisan atau bertulis atau nasihat yang diberikan oleh HLBB/HLISB, anggota Gabungannya dan kakitangan, pekerja atau ejen masing-masing akan mencipta atau meningkatkan skop jaminan ini.

14.2 Anda bertanggungjawab dan menanggung liabiliti, tanpa sebarang had, untuk yang berikut:-

(a) sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami untuk semua transaksi tanpa kebenaran yang dijalankan melalui penggunaan Kod Keselamatan sehingga masa apabila HLBB/HLISB telah menerima pemberitahuan bertulis yang sama dari anda;

(b) sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami dan semua risiko yang timbul, sekiranya anda tidak menamatkan Connect mengikut prosedur relevan yang ditetapkan oleh HLBB/HLISB bagi penggunaan Connect;

- (c) sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami HLBB/HLISB akibat daripada pelanggaran atau kegagalan anda mematuhi mana-mana Terma dan Syarat ini atau mana-mana prosedur berkaitan yang ditetapkan oleh HLBB/HLISB.

14.3

- (a) Tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan lain di sini, HLBB/HLISB tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga atas apa-apa kerugian (sama ada secara langsung atau tidak langsung) dari keuntungan atau perniagaan atau muhibah bagi apa-apa kerugian akibat atau secara tidak langsung atau kerosakan sama ada atau walau apa pun yang timbul walaupun HLBB/HLISB telah dinasihatkan mengenai kemungkinan kehilangan atau kerosakan atau tuntutan sedemikian oleh mana-mana pihak ketiga.
- (b) Tertakluk kepada peruntukan di sini, tanggungjawab tunggal dan keseluruhan HLBB/HLISB kepada anda dalam kontrak, tort, (termasuk kecuaiian atau pelanggaran duti berkanun) atau selainnya yang timbul oleh sebab atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini atau walau bagaimanapun timbul tidak akan melebihi jumlah transaksi yang terlibat yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung yang dikekalkan, yang mana lebih rendah.
- (c) Setiap peruntukan Klausula 13.3 ini hendaklah ditafsirkan sebagai had berasingan yang digunakan dan diteruskan walaupun jika ada sebab atau salah satu peruntukan lain tidak boleh digunakan atau dianggap tidak munasabah dalam apa jua keadaan dan akan terus berkuat kuasa walaupun penamatan Akaun atau Connect.

14.4 Tanpa mengehadkan kenyataan umum Klausula 13.3, HLBB/HLISB tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau malu yang ditanggung atau dialami oleh anda atau mana-mana pihak ketiga dengan alasan atau timbul daripada:-

- (a) kegagalan anda untuk memberikan Arahan yang betul, lengkap dan tepat pada masanya yang dikeluarkan kepada HLBB/HLISB atau kegagalan untuk mematuhi; atau
- (b) ketidakupayaan anda untuk melaksanakan apa-apa transaksi disebabkan oleh had yang ditetapkan oleh HLBB/HLISB dari semasa ke semasa; atau
- (c) apa-apa kesilapan, pengubahan, pemusnahan Arahan, data atau maklumat ke atau dari HLBB/HLISB melalui Connect, pada internet, peranti mobile dan tablet; atau
- (d) apa-apa pencerobohan atau serangan oleh mana-mana orang atau pihak pada mana-mana perkakasan, perisian atau sistem yang digunakan berhubung dengan Connect atau di Internet, peranti mobile dan tablet, termasuk tetapi tidak terhad kepada virus, Trojan Horse, malware dan/atau makro atau komponen berbahaya yang lain atau peranti melumpuhkan yang boleh menggantung, mengganggu atau melumpuhkan Connect atau mana-mana bahagiannya; atau
- (e) sebarang sekatan atau larangan penggunaan Connect oleh mana-mana undang-undang atau peraturan mana-mana negara dari mana anda mengakses Connect; atau
- (f) sekiranya HLBB/HLISB tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau memberikan sebarang Perkhidmatan disebabkan oleh apa-apa sebab di luar kawalan HLBB/HLISB termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, tanah runtuh, banjir, wabak, bencana alam, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, tindakan musuh awam, embargo, perang, atau apa-apa kegagalan, kelewatan atau gangguan telekomunikasi, bekalan elektrik, bahan api atau perkhidmatan yang disediakan oleh Pembekal Perkhidmatan Rangkaian, Pembekal Perkhidmatan Rangkaian Mobile atau Anggota Gabungan atau sebarang faktor luar kawalan HLBB/HLISB.

15.0 Indemniti

15.1 Anda bertanggungjawab untuk menanggung rugi HLBB/HLISB sepenuhnya dan selengkapnya dan terhadap semua tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos undang-undang antara peguam dan pelanggan sendiri) dan semua liabiliti lain dalam apa jua sifat atau perihalan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh HLBB/HLISB berkaitan dengan atau dalam apa-apa cara yang timbul daripada penyediaan **Connect** atau penerimaan mana-mana Arahan yang diberikan oleh anda atau pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat. Liabiliti anda adalah liabiliti yang berterusan dan akan terus berkuatkuasa sepenuhnya walaupun penamatan **Connect**.

16.0 Penggantungan atau Penamatan Connect oleh HLBB/HLISB

16.1 HLBB/HLISB boleh mengikut budi bicara dan pada bila-bila masa, menggantung, menyekat atau menamatkan akses anda kepada Connect atau mana-mana bahagian perkhidmatan tanpa perlu memberikan apa-apa sebab dengan notis bertulis.

16.2 HLBB/HLISB secara automatik akan menamatkan hak akses **Connect** sekiranya anda menghentikan mana-mana Akaun dengan HLBB/HLISB yang boleh diakses melalui **Connect** atau jika akses anda ke Akaun tersebut digantung, disekat atau dilarang oleh HLBB/HLISB atau mana-mana pihak ketiga atas sebarang sebab.

16.3 Jika anda berhasrat untuk menamatkan **Connect**, anda sendiri perlu menamatkan perkhidmatan mengikut Terma dan Syarat ini. **Connect** selepas itu akan ditamatkan dengan serta-merta.

17.0 Kebolehasingan dan Pengecualian

17.1 Jika mana-mana peruntukan yang ditentukan sebagai haram, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa-apa cara di bawah mana-mana undang-undang, hal yang sama adalah tidak berkesan bagi peruntukan yang dikatakan haram, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan tanpa tidak mengambil kira peruntukan yang selebihnya dalam Terma dan Syarat.

17.2 Penerimaan HLBB/HLISB bagi mana-mana Arahan atau pemprosesan mana-mana Arahan yang dikeluarkan melebihi masa yang ditetapkan atau sebarang penepian oleh HLBB/HLISB bagi mana-mana haknya atau apa-apa kelonggaran yang diberikan kepada anda tidak boleh dianggap sebagai persetujuan terhadap pengubahsuaian mana-mana bahagian Terma dan Syarat ini atau untuk menghalang HLBB/HLISB daripada menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah Terma dan Syarat ini atau undang-undang dan peraturan dan terma dan syarat Akaun.

18.0 Notis

18.1 Apa-apa notis yang perlu diberikan berkaitan **Connect** kepada anda boleh diberikan dalam mana-mana cara berikut seperti yang ditentukan oleh HLBB/HLISB mengikut budi bicaranya:-

- (a) melalui mel elektronik ke alamat e-mel terakhir yang diketahui dalam rekod HLBB/HLISB dan notis sedemikian akan dianggap diterima selepas dua puluh empat (24) jam dari penghantaran; atau
- (b) melalui SMS menerusi Pembekal Perkhidmatan Rangkaian Mobile ke nombor telefon mobile terakhir anda dalam rekod HLBB/HLISB dan notis sedemikian hendaklah bergantung kepada terma dan syarat Pembekal Perkhidmatan Rangkaian Mobile dan status sambungan telefon mobile, dan dianggap diterima dalam masa dua puluh empat (24) jam dari penghantaran; atau
- (c) melalui pos biasa atau berdaftar atau kurier yang dihantar atau ditinggalkan di alamat terakhir anda yang didaftarkan dengan HLBB/HLISB dan dianggap diterima dalam tempoh lima (5) Hari Perniagaan daripada penghantaran jika dihantar melalui pos biasa atau berdaftar dan dalam dua (2) Hari Perniagaan jika dihantar melalui kurier; atau
- (d) dengan mempamerkan notis di premis cawangan HLBB/HLISB atau laman web HLBB/HLISB dan notis sedemikian hendaklah dianggap berkuat kuasa dengan paparan sedemikian; atau
- (e) dengan cara iklan atau notis am dalam akhbar nasional utama dan notis tersebut akan dianggap berkuat kuasa dari tarikh notis atau tarikh yang dinyatakan dalam notis, mengikut mana-mana yang berkenaan.

18.2 Sebarang notis (tidak termasuk Arahan) yang perlu dihantar kepada HLBB/HLISB boleh diberikan melalui apa-apa cara berikut:-

- (a) melalui Connect kepada HLBB/HLISB dan notis ini hendaklah dianggap diterima sebaik sahaja anda terima pengesahan penerimaan melalui mel elektronik dari sistem HLBB/HLISB ; atau
- (b) melalui Saluran Perhubungan yang Diluluskan ke Pusat Panggilan Hong Leong di alamat yang dinyatakan di bawah dalam Klausa 22.2 dan notis sedemikian dianggap diterima oleh HLBB/HLISB mengikut masa yang ditentukan oleh Saluran Perhubungan Yang Diluluskan;

- (c) melalui pos biasa atau berdaftar atau kurier yang dihantar atau ditinggalkan di cawangan di mana Akaun dikekalkan dan dianggap telah diterima oleh HLBB/HLISB dalam tempoh tujuh (7) Hari Perniagaan dari pengeposan jika dihantar melalui pos berdaftar atau biasa atau dalam Dua (2) Hari Perniagaan jika melalui kurier.

18.3 Anda perlu maklumkan HLBB/HLISB dengan segera sebarang perubahan butiran peribadi, nombor telefon atau nombor mobile atau mel elektronik, surat-menyurat dan/atau alamat kediaman anda secara bertulis atau melalui Saluran Perhubungan yang Diluluskan.

19.0 Representasi dan Jaminan dalam memproses Maklumat Peribadi

Anda dengan ini mewakili dan menjamin bahawa anda telah memperoleh persetujuan semua orang yang dinamakan dalam permohonan anda untuk Akaun dan Perkhidmatan atau dokumen sedemikian yang dikemukakan kepada HLBB/HLISB untuk menyokong permohonan dan/atau wakil yang diberi kuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada para pengarah anda, pemegang saham, penandatanganan yang dibenarkan atau orang lain seperti yang dinyatakan oleh HLBB/HLISB ("Subjek Data Yang Berkaitan"), untuk pengumpulan, pemegangan dan penggunaan maklumat peribadi Subjek Data Berkaitan mengikut Notis Privasi HLBB/HLISB seperti yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.

20.0 Pendedahan

Anda dengan ini bersetuju bahawa:

- (a) Hak HLBB/HLISB terhadap maklumat dan pendedahan anda adalah selaras dengan Notis Privasi HLBB/HLISB;
- (b) HLBB/HLISB perlu menggunakan maklumat transaksi anda seperti yang diperlukan untuk memproses pembayaran;
- (c) Apabila anda menggunakan Kemudahan Pembayaran Bil JomPAY untuk pembayaran, HLBB/HLISB boleh mendedahkan data peribadi anda kepada Pengendali Skim, Pembil, Bank Pembil dan Bank Pembayar lain;
- (d) Apabila anda menggunakan DuitNow, HLBB/HLISB akan mendedahkan, menggunakan dan memproses ID DuitNow yang berkaitan seperti yang diperlukan untuk transaksi yang berkaitan;
- (e) HLBB/HLISB boleh mendedahkan ID DuitNow, ID Biasa dan data peribadi lain yang berkaitan kepada Pengendali NAD untuk pemprosesan, penyimpanan dan arkib dan pendedahan kepada penghantar dana di bawah DuitNow, gabungan-gabungan HLBB/HLISB, penyedia perkhidmatan, lain-lain peserta NAD dan pihak ketiga yang menawarkan DuitNow dan pelanggan mereka masing-masing.
- (f) Lain-lain bank yang menyertai NAD boleh melakukan Pertanyaan Nama NAD mengenai ID DuitNow berdaftar anda untuk tujuan mengesahkan/mengenal pasti nama anda sebagai sebahagian daripada memudahkan perkhidmatan DuitNow;
- (g) Bahawa HLBB/HLISB boleh mendedahkan maklumat ID DuitNow anda dimana HLBB/HLISB adalah berkewajipan di bawah undang-undang atau di mana ia berada di dalam kepentingan awam, sebagai contoh, untuk mencegah atau megasan penipuan dan penyalahgunaan;
- (h) Anda perlu beritahu kami jika mana-mana maklumat peribadi anda tidak tepat, berubah dan anda bersetuju bahawa maklumat peribadi yang dikemaskini didedahkan kepada semua Peserta Kemudahan Pembayaran Bil JomPAY bagi tujuan Klausula 20 (c) di atas termasuk pihak-pihak yang dinyatakan di dalam Klausula 20 (d) dan (e) di atas; dan
- (i) Sekiranya data peribadi tidak didedahkan kepada pihak yang dinyatakan dalam Klausula 20 (c) dan (f), proses pembayaran yang diminta atau penggunaan Kemudahan Pembayaran Bil JomPAY mungkin tidak dapat dilakukan.

21.0 Kebenaran untuk Memproses Maklumat Peribadi

Anda dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pemegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada atau diperoleh oleh HLBB/HLISB daripada domain awam, serta data peribadi yang diperoleh daripada peruntukan Perkhidmatan kepada anda berkait dengan Akaun dan/atau Akaun Pihak Ketiga menurut Notis Privasi HLBB/HLISB yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.

22.0 Pembinaan Semula HLBB/HLISB

Kewajipan dan liabiliti anda akan terus sah dan mengikat bagi semua tujuan tanpa mengambil kira sebarang perubahan oleh penggabungan, pembinaan semula atau sebaliknya yang boleh dibuat dalam perlembagaan HLBB/HLISB atau oleh mana-mana syarikat yang mana perniagaan HLBB/HLISB dijalankan pada masa ini dan tersedia untuk syarikat yang menjalankan perniagaan pada masa ini dan anda bersetuju bahawa tiada perubahan sedemikian akan menjejaskan kewajipan dan liabiliti yang diwujudkan berhubung dengan apa-apa transaksi sama ada sebahagian, masa kini atau masa hadapan.

23.0 Pertanyaan dan Penyelesaian Pertikaian

23.1 Sekiranya anda ada sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan, sila rujuk Khidmat Pelanggan kami di:-Tel: 603-7626 8899 atau Faks ke: 603-7946 8888

23.2 Sekiranya anda ada sebarang aduan atau pertikaian, sila nyatakan jenis aduan atau pertikaian dan rujuk perkara kepada:-

PFS Digital, Hong Leong Bank,
Level 23A, Menara Hong Leong,
No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,
50490, Kuala Lumpur, Malaysia.

Laman web: www.hlb.com.my / www.hlisb.com.my (Melalui Online)

23.3 Sekiranya anda mahu melaporkan transaksi yang tidak dibenarkan ke atas Akaun, anda dikehendaki menyediakan HLBB/HLISB dengan maklumat berikut berhubung dengan transaksi yang dipertikaikan agar HLBB/HLISB menyiasat perkara itu selanjutnya:

- (a) Nama anda;
- (b) Butiran Akaun yang terlibat oleh transaksi yang dipertikaikan;
- (c) Tarikh transaksi yang dipertikaikan;
- (d) Amaun transaksi yang dipertikaikan; dan
- (e) Sebab-sebab mengapa anda percaya bahawa transaksi adalah tidak sah atau transaksi yang dipertikaikan.

24.0 Arahan yang Tidak Dibenarkan/Penipuan dan Pelanggaran Keselamatan

24.1 HLBB/HLISB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang arahan penipuan atau tanpa kebenaran, atau kerugian (termasuk kerugian akibat), kerosakan atau liabiliti yang ditanggung dan/atau dialami oleh anda sekiranya:-

- (a) anda telah bertindak secara menipu;
- (b) anda gagal menjalankan kewajipan berikut:-
 - i. melindungi maklumat perbankan peribadi sensitif anda seperti Kod Keselamatan, Gambar Keselamatan dan Soalan Keselamatan dengan mendedahkan atau membenarkan maklumat tersebut didedahkan, secara lisan atau bertulis kepada pihak ketiga;
 - ii. mengambil langkah pencegahan yang bertanggungjawab untuk mengemas kini dan melindungi komputer peribadi, telefon pintar, tablet dan peranti elektronik lain bagi memastikannya bebas malware/virus;

- iii. mengambil langkah yang bertanggungjawab memastikan anda menukar Kata Laluan, memeriksa maklumat dan baki perbankan anda secara berkala dan memastikan maklumat perbankan sensitif, Kod Keselamatan, Gambar Keselamatan, Soalan Keselamatan dan peranti keselamatan selamat sepanjang masa;
- iv. melaporkan pelanggaran atau kompromi keselamatan yang disyaki secepat mungkin tanpa mengira lokasi anda setelah mengetahui akan pelanggaran atau kehilangan, secara lisan atau bertulis kepada Khidmat Pelanggan HLBB/HLISB (seperti yang dinyatakan dalam Klausa 22.1) atau mana-mana Cawangan HLBB/HLISB;
- v. memberikan HLBB/HLISB dengan laporan rasmi polis Malaysia secepat mungkin selepas melaporkan pelanggaran keselamatan kepada HLBB/HLISB; dan/atau
- vi. menyediakan HLBB/HLISB dengan semua maklumat yang diperlukan berkaitan transaksi yang dipertikaikan dan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 22.3 di sini.

24.2 HLBB/HLISB berhak untuk memulakan tindakan undang-undang dan/atau sebarang prosiding lain yang dianggap perlu termasuk membuat laporan yang sesuai atau perlu dengan pihak berkuasa kawal selia berkaitan, terhadap anda jika anda melambatkan, menghalang dan/atau menahan maklumat penting dari HLBB/HLISB, membuat atau cuba membuat tuntutan palsu berkenaan dengan apa-apa transaksi, menyiarkan tuntutan palsu melalui media tradisional atau sosial, dan/ atau menyerahkan laporan polis palsu berkenaan dengan apa-apa transaksi.

25.0 Cukai Kerajaan dan/atau caj, yuran berkanun/kawal selia, dan sebagainya

25.1 Yuran dan semua wang lain yang dibayar oleh anda kepada HLBB/HLISB berkaitan dengan Connect termasuk sebarang jumlah pembayaran balik yang perlu dibayar oleh anda kepada HLBB/HLISB adalah tidak termasuk sebarang cukai, dan akan dibayar tanpa sebarang tolakan, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang pengurangan atas sebab sebarang tuntutan balas atau sebarang pengurangan atau penangguhan.

25.2 Sekiranya anda diperlukan oleh undang-undang untuk membuat sebarang tolakan atau penangguhan yuran dan/atau semua wang lain yang perlu dibayar kepada HLBB/HLISB berhubung Connect, yang berkaitan dengan sebarang Cukai atau sebaliknya, jumlah perlu dibayar oleh anda, yang berkaitan dengan tolakan atau penangguhan yang diperlukan itu, hendaklah ditambah supaya fi bersih dan/atau jumlah bersih wang yang diterima oleh HLBB/HLISB itu nanti adalah bersamaan dengan jumlah yang sepatutnya diterima jika tolakan atau penangguhan yang diperlukan itu tidak dibuat.

25.3 Selain daripada yuran dan semua wang lain yang perlu dibayar, anda akan membayar kepada HLBB/HLISB semua Cukai pada kadar semasa dan/atau jumlah yang ditentukan oleh HLBB/HLISB untuk merangkumi sebarang bayaran/liabiliti/kewajipan Cukai berkaitan dengannya, tanpa sebarang tolakan, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang pengurangan atas sebab sebarang tuntutan balas atau sebarang tolakan atau penangguhan, selain daripada Cukai yang mungkin diperlukan di bawah mana-mana undang-undang yang perlu dibayar oleh anda secara langsung kepada mana-mana Pihak Berkuasa yang Berkenaan, di mana anda akan membayar secara terus kepada Pihak Berkuasa yang Berkenaan.

25.4 Sekiranya, pada bila-bila masa pelarasan dibuat atau perlu dibuat antara HLBB/HLISB dan pihak berkuasa percukaian atas sebab sebarang jumlah yang dibayar sebagai Cukai yang timbul daripada sebarang bekalan yang dibuat atau dianggap dibuat, atau sebab lain berkaitan dengan **Connect** oleh HLBB/HLISB, pelarasan yang sepadan akan dibuat atas budi bicara HLBB/HLISB antara HLBB/HLISB dan anda, dan dalam keadaan demikian, sebarang bayaran yang perlu bagi pelarasan tersebut akan dilaksanakan.

25.5 Semua Cukai yang perlu dibayar oleh anda kepada HLBB/HLISB sebagaimana yang diperuntukkan di dalam ini akan dibayar mengikut masa dan cara yang ditetapkan oleh HLBB/HLISB.

25.6 Anda dengan ini bersetuju untuk melaksanakan semua perkara yang munasabah yang diminta oleh HLBB/HLISB untuk membantu HLBB/HLISB mematuhi obligasinya di bawah sebarang undang-undang yang berkenaan di mana Cukai dikenakan. Sekiranya Cukai baharu diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dikenakan atas transaksi yang dipertimbangkan di dalam Perjanjian ini, anda bersetuju untuk memberi kerjasama penuh kepada HLBB/HLISB dalam membantu HLBB/HLISB mematuhi kewajipannya di bawah sebarang undang-undang yang berkenaan.

25.7 Bagi mengelakkan keraguan, pihak-pihak bersetuju bahawa apa-apa wang yang kena bayar atau amaun yang akan digunakan dalam pengiraan wang yang kena bayar, yang dinyatakan di tempat lain dalam terma dan syarat ini telah ditentukan tanpa mengambil kira dan tidak termasuk jumlah yang akan ditambah di bawah klausa ini pada akaun Cukai.

26.0 Undang-undang yang Mengawal

Terma ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan anda dengan ini bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia atau mahkamah bidang kuasa kompeten lain yang HLBB/HLISB pilih untuk dipatuhi mengikut budi bicaranya dan pelaksanaan sebarang proses undang-undang boleh dilaksanakan melalui apa-apa cara yang dibenarkan undang-undang.

27.0 Pindaan

HLBB/HLISB berhak pada setiap masa untuk mengubah, meminda, menghapus atau menambah Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis terlebih dahulu dan anda akan terikat dengan perubahan, pindaan, penghapusan atau penambahan pada tarikh yang ditetapkan oleh HLBB/HLISB dalam notis itu. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan perubahan, pindaan, penghapusan atau penambahan Terma dan Syarat, anda boleh menamatkan penggunaan **Connect** mengikut Klausa 15.3. Akses dan/atau penggunaan Perkhidmatan yang berkaitan yang terdapat pada **Connect** yang mana perubahan, pindaan, penghapusan atau penambahan tersebut akan dianggap sebagai persetujuan dan penerimaan anda yang terikat.

28.0 Kemudahan Pembayaran Bil JomPAY

HLBB/HLISB adalah Peserta berdaftar bawah Skim ini. Sekiranya HLBB/HLISB berhenti atau tidak lagi menjadi Peserta, HLBB/HLISB akan memaklumkan anda melalui laman web HLBB/HLISB atau dengan cara lain yang difikirkan sesuai.

Terma dan syarat berikut terpakai apabila anda menggunakan Kemudahan Pembayaran Bil JomPAY melalui Connect untuk membuat pembayaran dan pembelian kepada Pembil di Malaysia yang didaftarkan di bawah Skim ini. Bagi tujuan klausa ini, istilah "Pelanggan" bermaksud Pembil, Pembayar dan klien Peserta yang lain.

28.1 Pembayaran

28.1.1 Maklumat berikut perlu diberikan kepada HLBB/HLISB semasa anda membuat pembayaran melalui Kemudahan Pembayaran Bil JomPAY:

- (a) Kod Pembil;
- (b) Ref-1;
- (c) Ref-2 (jika dinyatakan dalam Bil Pembayar) (opsyenal);
- (d) Nombor Hubungan (opsyenal);
- (e) Tarikh Pembayaran;
- (f) Amaun; dan
- (g) Akaun yang mana pembayaran didebitkan.

28.1.2 HLBB/HLISB kemudiannya akan mendebitkan akaun yang ditentukan oleh anda dengan jumlah Arahan Pembayaran kepada-Pembil.

28.1.3 Anda dengan ini mengakui bahawa HLBB/HLISB tidak berkewajipan untuk melaksanakan pembayaran jika anda tidak memberikan semua maklumat yang diperlukan atau jika mana-mana maklumat yang diberikan tidak tepat.

28.1.4 HLBB/HLISB tidak akan menerima perintah untuk menghentikan Arahan Pembayaran selepas anda mengarahkan HLBB/HLISB untuk membuat Arahan Pembayaran kecuali apabila:

- a) HLBB/HLISB secara munasabah membuat kesimpulan bahawa Arahan Pembayaran adalah penipuan atau tanpa kebenaran; atau

- b) Arahan Pembayaran bertarikh pembayaran akan datang yang masih belum dihantar oleh HLBB/HLISB kepada IBG.

28.1.5 HLBB/HLISB akan memproses semua Arahan Pembayaran mengikut jadual berikut:

- a) Pembayaran yang dibuat sebelum 17:00 pada Hari Perniagaan akan diproses dalam hari yang sama.
- b) Pembayaran yang dibuat selepas 17:00 pada Hari Perniagaan akan diproses dalam hari perniagaan yang berikutnya.
- c) Pembayaran dibuat pada hari cuti umum atau Hari Bukan Perniagaan atau selepas Masa Potong Pembayaran pada Hari Perniagaan akan diproses pada hari perniagaan berikutnya.

28.1.6 Anda perlu segera memberitahu HLBB/HLISB jika menyedari bahawa anda telah membuat kesilapan (kecuali kurang bayar) semasa mengarahkan HLBB/HLISB untuk buat pembayaran, ATAU jika anda tidak memberi kebenaran pembayaran yang telah dibuat dari akaun anda. Sebarang pemulihan dana untuk pembayaran sedemikian hendaklah dibuat mengikut terma yang dinyatakan dalam Klausula 28.3 di sini.

28.1.7 Jika anda kemudiannya mendapati jumlah Pembayaran adalah lebih rendah daripada jumlah yang dinyatakan dalam Arahan Pembayaran yang diberikan kepada HLBB/HLISB, anda boleh membuat Pembayaran lain untuk perbezaan jumlah tersebut.

28.1.8 HLBB/HLISB akan memaklumkan anda tentang status Arahan Pembayaran JomPAY termasuk sebab-sebab arahan pembayaran "Pembayar tidak hadir" ditolak atau gagal. Walau bagaimanapun, anda ada pilihan untuk tidak menerima pemberitahuan ini apabila diminta.

28.1.9 Untuk mengelakkan keraguan, tiada bayaran balik akan dibuat melalui JomPAY untuk pertikaian antara anda dengan Pembil berhubung dengan barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh Pembil, sama ada berkenaan kesesuaian tujuan atau mutu barangan dan perkhidmatan dan anda perlu menyelesaikan semua pertikaian atau aduan tersebut secara terus dengan Pembil.

28.2 Masa Potong Pembayaran

28.2.1 Sekiranya anda memberi Arahan Pembayaran kepada Pembil sebelum Masa Pemotongan Pembayaran bagi Hari Perniagaan, Pembil dianggap telah menerima pembayaran pada Hari Perniagaan yang sama. Walau bagaimanapun, pembayaran mungkin mengambil masa lebih lama untuk dikreditkan kepada Pembil jika Pembayar memberikan Arahan Pembayaran selepas Masa Potong Pembayaran atau pada hari yang bukan Hari Perniagaan, yang mana Pembil akan menerima Pembayaran pada Hari Perniagaan berikutnya.

28.2.2 Masa Potong Pembayaran akan disediakan di laman web HLBB di www.hlb.com.my dan laman web HLISB di www.hlisb.com.my

28.3 Pemulihan Dana dan Liabiliti Pembayaran

28.3.1 HLBB/HLISB akan membetulkan Arahan Pembayaran Silap yang dibuat oleh anda mengikut Terma dan Syarat ini dengan syarat keadaan berikut dipenuhi:

- a) anda serta-merta memberitahu HLBB/HLISB bahawa anda menyedari kelewatan atau kesilapan dalam memproses Pembayaran; dan
- b) HLBB/HLISB berpuas hati bahawa Arahan Pembayaran yang Silap telah berlaku.

28.3.2 Tertakluk kepada Klausula 28.3.1, HLBB/HLISB akan cuba membetulkan apa-apa perkara berhubung dengan Arahan Pembayaran yang Silap yang dibuat oleh anda, mengikut cara yang dinyatakan dalam klausula ini:

- a) untuk pembayaran yang salah arah, pembayaran duplikasi atau Kod Pembil atau RRN yang tidak betul, HLBB/HLISB akan mengemukakan permintaan untuk mendapatkan semula dana kepada Bank Pembil yang menerima dana yang salah;
- b) selepas HLBB/HLISB berpuas hati kesilapan pembayaran yang tidak tepat adalah disebabkan oleh Pembil, HLBB/HLISB akan menjalankan Pembalikan ke akaun anda dan

- mengemukakan permintaan untuk memulangkan dana kepada Bank Pembil bagi kesilapan tersebut;
- c) untuk pembayaran yang tidak lengkap atau gagal di pihak HLBB/HLISB, HLBB/HLISB akan mengkreditkan semula amaun pembayaran yang gagal apabila HLBB/HLISB berpuas hati bahawa Arahan Pembayaran telah gagal dan tidak diproses dengan sewajarnya di pihak HLBB/HLISB;
 - d) untuk pembayaran yang tidak lengkap atau gagal di pihak Pengendali Skim atau Bank Pembil, HLBB/HLISB akan mengkreditkan semula amaun pembayaran yang gagal ke akaun anda sebelum memulakan pemulihan dana yang diminta.

28.3.3 Apa-apa permintaan untuk pemulihan dana yang dibuat bagi pihak anda untuk Pembayaran Silap yang disebutkan dalam Klausula 28.3.3 atau Pembayaran Salah akan diproses menurut Klausula 28.4 di sini. Tertakluk pada Klausula 28.4, HLBB/HLISB akan bekerjasama dengan Peserta yang Terjejas untuk meminta dan mendapatkan semula dana bagi pihak anda.

28.3.4 Semua pertanyaan atau aduan yang dibangkitkan oleh anda mengenai Arahan Pembayaran yang Silap hendaklah diselesaikan tidak lewat dari empat belas (14) Hari. Semua pertanyaan dan aduan yang diterima selepas 5 pm pada Hari Perniagaan akan dianggap diterima pada permulaan Hari Perniagaan yang berikutnya.

28.3.5 HLBB/HLISB berhak untuk mendebitkan akaun anda (untuk pemulihan dana), sekiranya HLBB/HLISB tidak mendebitkan akaun anda selepas Arahan Pembayaran berjaya dilaksanakan dengan sempurna.

28.3.6 Tertakluk kepada Klausula 28.4 di sini (untuk permintaan dana yang dibuat oleh Bank Pembil), HLBB/HLISB berhak untuk mendebit akaun anda untuk dana yang dikreditkan ke akaun anda disebabkan pembayaran berikut yang dibuat oleh orang lain selain anda:

- a) Arahan Pembayaran yang Silap;
- b) Arahan Pembayaran yang Salah;
- c) Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran; dan
- d) Arahan Pembayaran Palsu.

28.4 Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap

28.4.1 Anda boleh meminta untuk pemulihan dana yang telah dipindahkan secara tidak betul kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang bukan Pembil dengan cara yang berikut:

- (a) Pemulihan dana yang dikreditkan secara salah kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang bukan Pembil, yang mana permintaan diterima dalam masa dua puluh (20) Hari Perniagaan dari tarikh Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap, HLBB/HLISB akan meneruskan pemulihan dana dan memasukkan dana ke akaun anda dalam tempoh empat (4) Hari Perniagaan, jika syarat berikut dipenuhi:
 - (i) Peserta yang Terjejas berpuas hati bahawa dana telah dikreditkan secara salah ke akaun Pelanggan Bank yang Terjejas;
 - (ii) Terdapat baki yang cukup dalam akaun yang terlibat; dan
 - (iii) Tiada bukti bahawa Pelanggan Bank yang Terjejas layak menerima dana yang dipertikaikan.
- (b) Pemulihan dana yang dikreditkan secara salah kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang bukan Pembil, di mana permintaannya diterima antara dua puluh dua (22) Hari Perniagaan dan tujuh (7) bulan dari tarikh Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap, HLBB/HLISB akan meneruskan pemulihan dana dan memasukkan dana ke akaun anda dalam sebelas (11) Hari Perniagaan, jika syarat berikut dipenuhi:
 - (i) Peserta yang Terjejas berpuas hati bahawa dana telah dikreditkan secara salah ke akaun Pelanggan Bank yang Terjejas; dan
 - (ii) Terdapat baki yang cukup dalam akaun Pelanggan Bank yang Terjejas; dan
 - (iii) Tiada bukti bahawa Pelanggan Bank yang Terjejas layak menerima dana yang dipertikaikan.

- (c) Pemulihan dana yang dikreditkan secara salah kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang bukan Pembil, yang mana permintaan diterima dalam masa tujuh (7) bulan dari tarikh Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap, HLBB/HLISB akan meneruskan pemulihan dana dan memasukkan dana ke akaun anda dalam tempoh empat (4) Hari Perniagaan, jika syarat berikut dipenuhi:
 - (i) Peserta yang Terjejas berpuas hati bahawa dana telah dikreditkan secara salah ke akaun Pelanggan Bank yang Terjejas;
 - (ii) Tiada bukti bahawa Pelanggan Bank yang Terjejas layak menerima dana yang dipertikaikan; dan
 - (iii) Pelanggan Bank yang Terjejas telah memberi persetujuan untuk HLBB/HLISB mendebitkan akaun mereka.

28.4.2 Arahan Pembayaran yang timbul daripada penipuan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Arahan Pembayaran yang dimulakan atau dijana oleh pihak yang tidak dibenarkan membuat pembayaran. Ini boleh berlaku jika ada pihak memperoleh akses tanpa kebenaran ke saluran pembayaran dan memulakan Arahan Pembayaran tanpa kebenaran anda;
- (b) Anda diperdaya untuk membuat Arahan Pembayaran yang memberi manfaat kepada pihak selain daripada pihak yang anda mahukan. Ini boleh berlaku jika Pembil mengeluarkan bil palsu atau pihak ketiga mengubah bil tulen dan menyebabkan pembayaran dialihkan; dan
- (c) Anda membuat Arahan Pembayaran kepada pembil penipuan yang tidak memberikan barang dan perkhidmatan yang telah dibayar. Ini boleh berlaku jika penipu masuk ke Skim sebagai Pembil untuk mendapat pembayaran secara penipuan. Sekiranya HLBB/HLISB bertanggungjawab untuk Pembayaran Salah yang dinyatakan di atas, HLBB/HLISB akan membalikkan semua debit yang dibuat secara salah ke akaun anda.

28.4.3 Anda boleh meminta untuk pemulihan dana yang telah dipindahkan secara tidak betul kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang merupakan Pembil dengan cara yang berikut:

- (a) Tertakluk pada Klausula 28.4.3 (b), jika permintaan diterima dalam masa dua puluh (21) Hari Perniagaan dari tarikh Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap, HLBB/HLISB akan meneruskan pemulihan dana dan memasukkan dana ke akaun anda dalam tempoh empat (4) Hari Perniagaan:
 - (i) Jika Peserta yang Terjejas berpuas hati bahawa dana telah dikreditkan secara salah ke akaun Pembil yang Terjejas;
 - (ii) Dana telah dikreditkan ke akaun Pembil yang Terjejas;
 - (iii) Pembil yang Terjejas tidak bertindak terhadap RTN;
 - (iv) RTN tidak diterima ke Pembil yang Terjejas;
 - (v) Terdapat baki yang cukup dalam akaun Pembil Terjejas untuk membayar amaun pemulihan; dan
 - (vi) Peserta yang Terjejas memberi notis bertulis kepada Pembil yang Terjejas sebelum mendebitkan akaun mereka.
- (b) Sekiranya dana tersebut tidak dikreditkan ke akaun Pembil Terjejas dan Pembil Terjejas telah bertindak ke atas RTN (telah menghantar barangan atau menyediakan perkhidmatan), dana tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula sepenuhnya.
- (c) Pemulihan dana yang dikreditkan secara salah kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang merupakan Pembil, di mana permintaan diterima antara dua puluh dua (22) Hari Perniagaan dan tujuh (7) bulan dari tarikh Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap, pemulihan dana akan diproses mengikut Klausula 28.4.1.
- (d) Pemulihan dana yang dikreditkan secara salah kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang merupakan Pembil, yang permintaannya diterima selepas tujuh (7) bulan dari tarikh Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap; pemulihan dana akan diproses mengikut Klausula 28.4.1 (c) yang terkandung.

28.4.4 Walau apa pun yang disebut terdahulu, jika dana untuk Arahan Pembayaran yang Salah atau Arahan Pembayaran yang Silap tidak dapat dipulihkan atau dipulihkan sepenuhnya kerana baki yang tidak mencukupi dalam akaun Pelanggan Bank yang Terjejas, ia akan dianggap sebagai Kerugian Tidak Boleh Pulih. Untuk mengelakkan keraguan pihak yang bertanggungjawab atas kesilapan itu, menyebabkan kesilapan itu, menyebabkan Pembayaran yang tidak lengkap atau gagal bertanggungjawab untuk Kerugian Tidak Boleh Pulih.

28.4.5 Anda mengakui bahawa penerimaan Arahan Pembayaran yang Salah atau Arahan Pembayaran yang Silap oleh Pembil adalah tidak dan tidak akan dianggap dalam semua keadaan sebagai pembayaran sebahagian atau penuh sebarang hutang pendasar antara anda dan Pembil.

28.5 Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran dan Arahan Pembayaran Palsu

28.5.1 HLBB/HLISB akan apabila menerima laporan daripada anda, yang mendakwa bahawa Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran telah dibuat, atau apabila menyedari sebarang Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran yang berasal dari HLBB/HLISB, memasukkan dana ke dalam akaun anda dalam masa satu (1) Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan dari Pembil, jika syarat berikut dipenuhi:

- (a) HLBB/HLISB akan menjalankan penyiasatan dan menentukan dalam tempoh empat belas (14) Hari, jika Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran telah berlaku;
- (b) Sekiranya HLBB/HLISB berpuas hati bahawa Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran berlaku atau empat belas (14) Hari telah luput, HLBB/HLISB akan memulakan proses Pembalikan di mana semua debit yang dibuat ke Akaun anda yang timbul daripada Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran akan diterbalikkan; dan
- (c) Bank Pembil tidak menggunakan sebahagian atau semua dana yang dipersoalkan untuk manfaat Benefisiari Penipuan.

28.5.2 Bagi Arahan Pembayaran Palsu, HLBB/HLISB akan apabila menerima laporan daripada anda, yang mendakwa bahawa Arahan Pembayaran Palsu telah dibuat, atau apabila menyedari sebarang Arahan Pembayaran Palsu yang berasal dari HLBB/HLISB, memasukkan dana ke dalam akaun anda dalam masa satu (1) Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan dari Pembil, jika syarat berikut dipenuhi:

- (a) HLBB/HLISB akan menjalankan penyiasatan dan menentukan dalam tempoh empat belas (14) Hari jika Arahan Pembayaran Palsu telah berlaku;
- (b) Sekiranya HLBB/HLISB berpuas hati bahawa Arahan Pembayaran Palsu berlaku atau empat belas hari (14) Hari telah luput, HLBB/HLISB akan memulakan proses Pembalikan di mana semua debit yang dibuat ke Akaun anda yang timbul dari Arahan Pembayaran Palsu akan dibalikkan; dan
- (c) Bank Pembil tidak menggunakan sebahagian atau semua dana yang dipersoalkan untuk manfaat Benefisiari Penipuan.

28.5.3 Walau apa pun yang disebut terdahulu, jika dana untuk sebarang Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran dan Arahan Pembayaran Palsu tidak dapat dipulihkan atau dipulihkan sepenuhnya, ia akan dianggap sebagai Kerugian Tidak Boleh Pulih.

28.5.4 Tiada hak caj balik disediakan bawah Skim ini dan tidak akan terpakai bagi Pembayaran menggunakan Kad Kredit dan Kad Debit.

28.5.5 Anda akan menanggung rugi HLBB/HLISB terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami disebabkan sebarang tuntutan, permintaan atau tindakan yang dikenakan terhadap HLBB/HLISB yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan lalai dan penipuan yang dilakukan oleh anda.

28.6 Pembayaran Berkumpulan

28.6.1 Tertakluk pada perjanjian HLBB/HLISB, anda dibenarkan untuk membuat Pembayaran Berkumpulan jika:

- (a) anda membuat Pembayaran Berkumpulan bagi pihak anda; atau
- (b) Anda membuat Pembayaran Berkumpulan bagi pihak entiti anda yang berkaitan untuk menunaikan hutang entiti, atau hutang entiti tersebut kepada satu atau lebih Pembil.

28.6.2 Anda dibenarkan membuat Pembayaran Berkumpulan dengan mendebitkan Akaun atau Akaun Kad Kredit anda yang dipegang dengan HLBB/HLISB, mengikut pada kes.

28.6.3 Anda memberi jaminan kepada HLBB/HLISB bahawa:

- (a) Bayaran Berkumpulan tersebut dibuat atas akaun anda sendiri sebagai Pembayar, atau sebagai Pembayar dalam urusan biasa perniagaannya membuat beberapa pembayaran bagi pihak anda, atau bagi pihak entiti anda yang berkaitan untuk menunaikan hutang entiti, atau hutang entiti tersebut kepada satu atau lebih Pembil dan bukan untuk faedah orang lain; dan
- (b) Pembayaran Berkumpulan tersebut dibuat bukan bertujuan menjalankan perniagaan membuat bayaran melalui Skim menggunakan kaedah Pembayaran Berkumpulan.

28.6.4 Semua peruntukan lain yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini juga akan terpakai untuk Pembayaran Berkumpulan.

28.7 Pertanyaan Pembayaran

28.7.1 HLBB/HLISB dengan suci hati, cuba menyelesaikan semua pertanyaan atau pertikaian pembayaran yang timbul berkaitan dengan Kemudahan Pembayaran Bil JomPAY secara aman melalui persetujuan bersama.

28.7.2 Sekiranya ada pertikaian atau konflik, anda berhak untuk mendapatkan bantuan melalui badan pengantaraan dan timbang tara industri seperti Biro Pengantaraan Kewangan.

28.7.3 Anda juga berhak membuat aduan dengan Pengendali Skim jika terdapat dakwaan ketidakpatuhan HLBB/HLISB terhadap Peraturan Skim JomPAY. Walau bagaimanapun, semakan semula Pengendali Skim terhadap aduan tersebut adalah terhad kepada:

- (a) Penentuan sama ada terdapat ketidakpatuhan;
- (b) Menyediakan penyelesaian untuk Peserta untuk membetulkan atau menangani ketidakpatuhan; dan
- (c) Penentuan jika penalti boleh dikenakan terhadap ketidakpatuhan.

28.7.4 Semua keputusan yang diberikan oleh Pengendali Skim sebagai respons kepada aduan anda akan mengikat HLBB/HLISB.

28.8 Penggantungan

28.8.1 HLBB/HLISB boleh menggantung hak anda menggunakan Skim pada bila-bila masa dalam keadaan yang dinyatakan dalam Klausula 16.0 Terma dan Syarat ini.

28.9 Pembil Tidak Dapat Memproses Bayaran

28.9.1 Jika HLBB/HLISB dimaklumkan bahawa pembayaran anda tidak dapat diproses oleh Pembil, HLBB/HLISB akan:

- (a) memaklumkan anda tentang perkara ini; dan
- (b) mengkreditkan Akaun anda dengan amaun pembayaran.

28.10 Rekod Akaun

28.10.1 Anda perlu semak Akaun anda dan segera melaporkan kepada HLBB/HLISB sebaik sahaja menyedari sebarang kesilapan atau apa-apa bayaran yang anda tidak benarkan atau anda fikir telah dibuat oleh orang lain tanpa kebenaran anda.

28.11 Ketidakselarasan

28.11.1 Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara Terma dan Syarat dan Klausula 28 ini, peruntukan Klausula 27 ini akan mengatasi sejauh mana ketidakselarasan itu.

29.0 DuitNow

HLBB/HLISB adalah peserta di bawah DuitNow, yang dikendalikan oleh Pengendali DuitNow. Sekiranya HLBB / HLISB dihentikan atau tidak lagi menjadi peserta DuitNow, HLBB / HLISB akan memaklumkan kepada anda melalui laman sesawang HLBB / HLISB atau dengan apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh HLBB / HLISB.

Berikut adalah Terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan apabila anda menggunakan DuitNow melalui Connect.

29.1 Pindahan

29.1.1 Untuk melakukan pemindahan DuitNow melalui Connect, pilih ID DuitNow penerima dan masukkan butiran yang diperlukan.

29.1.2 HLBB / HLISB akan melakukan "Look-Up request" untuk mengesahkan pendaftaran ID DuitNow penerima di NAD dan jika penerima didaftarkan, HLBB / HLISB akan memaparkan nama penerima DuitNow berdaftar tersebut. Sahkan semua butiran adalah betul, masukkan TAC dan sahkan pemindahan.

29.1.3 Anda bertanggungjawab untuk memasukkan ID Duitnow yang betul dan memastikan bahawa nama penerima yang dipaparkan adalah penerima dana yang dimaksud, sebelum mengesahkan transaksi DuitNow.

29.1.4 HLBB / HLISB akan memaklumkan kepada anda mengenai status setiap transaksi DuitNow yang berjaya, gagal atau ditolak melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") atau mana-mana saluran komunikasi HLBB / HLISB yang sedia ada.

29.1.5 Anda mengakui dan bersetuju bahawa HLBB / HLISB tidak mempunyai kewajipan dan tidak dikehendaki untuk mengambil sebarang langkah bagi mengesahkan atau mendapatkan sebarang pengesahan lain daripada mana-mana pihak sama ada penerima pendaftaran tersebut adalah penerima yang dimaksud, dan HLBB / HLISB tidak bertanggungjawab untuk memindahkan wang kepada penerima berdaftar itu walaupun orang itu bukan Penerima yang dimaksudkan

29.1.6 Anda bersetuju bahawa sebaik sahaja urus niaga DuitNow telah disahkan, ia dianggap tidak dapat ditarik balik dan anda tidak akan dapat membatalkan, menghentikan atau melakukan apa-apa perubahan kepada transaksi DuitNow.

29.1.7 HLBB / HLISB akan mendebit akaun yang ditentukan oleh anda dengan jumlah transaksi DuitNow.

29.1.8 Untuk menerima pemindahan DuitNow, anda mesti mendaftarkan satu atau lebih ID DuitNow anda dengan bank di Malaysia, dan menyatakan akaun semasa / simpanan yang mana untuk menerima dana

29.2 Tetapan ID DuitNow di Connect

29.2.1 Tetapan ID DuitNow membolehkan anda menguruskan ID DuitNow anda melalui Connect, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- a) Daftar - Daftar ID biasa yang dipilih dan nyatakan akaun semasa / simpanan yang mana untuk menerima dana.
- b) Deregister – Batal pendaftaran ID DuitNow terpilih. Anda tidak akan dapat menerima dana yang ditujukan kepada ID DuitNow yang dibatal pendaftaran.
- c) Kemaskini - Edit butiran pendaftaran ID DuitNow, termasuk status ID DuitNow dan akaun penerima HLBB / HLISB anda yang dinyatakan.
- d) Tukar Bank - Tukar bank dan akaun penerima berdaftar untuk ID DuitNow terpilih, dari bank lain ke HLBB / HLISB

29.3 Look-Up Requests Berganda

29.3.1 Anda dinasihatkan untuk tidak mengemukakan "Look-Up Requests" berganda tanpa transaksi DuitNow yang disahkan. HLBB / HLISB tidak akan memaparkan keputusan "Look-Up

Requests" di atas lima (5) permintaan yang tidak diikuti dengan transaksi DuitNow yang disahkan

29.3.2 Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak dan remedi, HLBB / HLISB, HLBB / HLISB berhak untuk menamatkan atau menggantung akses anda dan penggunaan perkhidmatan DuitNow yang dianggap oleh HLBB / HLISB dalam budi bicara mutlak HLBB / HLISB bahawa ia tidak sesuai, ada unsur penipuan atau Penggunaan yang mencurigakan sedang dibuat dari perkhidmatan DuitNow, seperti mana "Look-Up Requests" berganda dihantar tanpa transaksi DuitNow yang sah. Anda dinasihatkan untuk menghubungi HLBB / HLISB jika anda menghadapi sebarang isu yang berkaitan dengan perkara tersebut

29.4 Pemulihan Dana

29.4.1 Anda mempunyai hak berhubung dengan penyiasatan dan pemulihan kesilapan pembayaran, pembayaran yang salah dan tidak sah (juga termasuk penipuan) transaksi DuitNow yang dibuat dari akaun anda.

29.5 Transaksi DuitNow Yang Salah/Silap

29.5.1 Sekiranya anda telah melakukan transaksi DuitNow yang salah ("Transaksi yang salah"), anda boleh meminta pemulihan dana dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan dari tarikh Transaksi yang salah dibuat dan HLBB / HLISB akan bekerjasama dengan bank penerima yang terbabit untuk mengembalikan dana tersebut kepada anda dalam tempoh tujuh (7) Hari Perniagaan dengan syarat syarat berikut dipenuhi:

- (a) dana sebenarnya tidak dikreditkan ke dalam akaun penerima yang terjejas;
- (b) jika dana telah dikreditkan dengan salah, sama ada baki di akaun penerima terjejas mencukupi untuk menampung jumlah pemulihan dana:
 - (i) jika baki itu mencukupi untuk menampung jumlah pemulihan, dana yang dikreditkan secara salah boleh dipulihkan; dan
 - (ii) Jika baki tidak mencukupi untuk menampung jumlah pemulihan, dana yang dikreditkan secara tidak sengaja mungkin tidak boleh didapat sepenuhnya dan bank penerima boleh memindahkan sebahagian daripada dana yang boleh diperolehi kembali kepada anda

29.5.2 Sekiranya anda membuat Transaksi Salah dan permohonan untuk pemulihan dana diterima oleh HLBB / HLISB antara sebelas (11) Hari Perniagaan dan tujuh (7) bulan dari tarikh Transaksi Salah dibuat, HLBB / HLISB akan bekerjasama dengan bank penerima yang terbabit untuk mengembalikan dana tersebut kepada anda dalam masa lima belas (15) Hari Perniagaan dengan syarat perkara-perkara berikut dipenuhi:

- (a) bank penerima yang terbabit sepenuhnya berpuas hati bahawa dana telah dikreditkan secara salah kepada penerima yang terjejas;
- (b) bank penerima yang terbabit hendaklah menyampaikan pemberitahuan kepada penerima yang terjejas secara bertulis berkenaan dengan permintaan pemulihan dana di mana dana yang dikreditkan secara salah dipulihkan melalui pendebitan akaun penerima yang terjejas melainkan jika penerima yang terjejas memberikan bukti yang munasabah bahawa penerima terjejas berhak kepada dana yang dipersoalkan dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan pemberitahuan seperti mana dimaklumkan. Dalam tempoh lima belas (15) Hari Perniagaan, jika penerima yang terjejas gagal untuk menetapkan kelayakan mereka kepada dana, bank penerima yang terbabit akan mendebitkan akaun penerima yang terjejas dan menghantar dana kembali kepada anda

29.5.3 Sekiranya anda membuat Transaksi Salah dan permohonan pemulihan dana diterima oleh HLBB / HLISB selepas tujuh (7) bulan dari tarikh Transaksi Salah dibuat, HLBB / HLISB akan bekerjasama dengan bank penerima yang terbabit memulangkan dana tersebut, dengan syarat perkara-perkara berikut dipenuhi:

- (a) Bank penerima terbabit sepenuhnya berpuas hati bahawa dana telah dikreditkan secara salah kepada penerima yang terjejas;
- (b) Bank penerima yang terbabit perlu mendapatkan daripada penerima yang terjejas keputusannya sama ada untuk memberi persetujuan dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan; dan
- (c) Sebaik sahaja kebenaran diperolehi, bank penerima yang terbabit akan mendebit akaun penerima yang terjejas dan HLBB / HLISB akan menghantar semula dana kepada anda dalam satu (1) Hari Perniagaan.

29.6 Tanpa Kebenaran Atau Penipuan Transaksi DuitNow

29.6.1 Bagi transaksi DuitNow yang tidak diberi kuasa oleh anda atau satu penipuan, setelah menerima laporan daripada anda yang mendakwa bahawa transaksi DuitNow yang tidak dibenarkan atau penipuan telah dibuat, HLBB/HLISB akan mengembalikan dana kepada anda dengan syarat - syarat berikut dipenuhi:

- (a) HLBB / HLISB akan menjalankan penyiasatan dan menentukan dalam tempoh empat belas (14) hari tarikh mengikut kalendar, jika pembayaran yang tidak dibenarkan atau penipuan memang berlaku;
- (b) Sekiranya HLBB / HLISB berpuas hati bahawa arahan pembayaran yang tidak dibenarkan atau penipuan memang berlaku dan tidak disebabkan oleh anda, HLBB / HLISB akan memulakan proses pembalikan di mana semua debit yang diposkan ke Akaun anda yang terbit akibat arahan pembayaran yang tidak dibenarkan atau palsu akan dibalikkan.

29.7 Liabiliti Dan Tanggung Rugi

29.7.1 Anda mengakui dan bersetuju bahawa melainkan dengan nyata dilarang oleh undang-undang mandatori, HLBB / HLISB dan Pengendali DuitNow tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga, secara langsung atau tidak langsung, diatas sebarang kerugian, liabiliti, kos, kerosakan, tuntutan, tindakan, atau prosiding dalam apa jua bentuk berkenaan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan DuitNow yang ditawarkan oleh HLBB / HLISB yang timbul daripada:

- (a) kecuaiian, salah laku atau pelanggaran mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam Fasal 28 ini oleh anda;
- (b) sebarang pemindahan dana yang salah oleh anda, termasuk sebarang pemindahan dana kepada ID DuitNow yang salah, penerima salah atau pihak ketiga yang salah;
- (c) apa-apa kegagalan, kelewatan, kesilapan atau tiada berlaku transmisi dana disebabkan oleh penyelenggaraan sistem, kerosakan atau ketiadaan mana-mana rangkaian, perisian atau perkakasan HLBB / HLISB dan Pengendali DuitNow; atau
- (d) penggantungan, penamatan atau perkhidmatan DuitNow yang tidak disambung..

29.7.2 Anda akan menanggung rugi, mempertahankan dan bersama HLBB / HLISB, gabungan HLBB / HLISB, dan Pengendali DuitNow tanpa mudarat dari dan terhadap sebarang tuntutan, prosiding, tindakan, kerugian, kerosakan, kos (termasuk semua kos guaman atas dasar tanggung rugi) liabiliti atau perbelanjaan, sama ada dijangka atau tidak, akibat daripada atau timbul berkaitan dengan apa-apa kesalahan, perbuatan atau yang ditinggalkan oleh anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada kecuaiian, salah laku atau pelanggaran mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam Fasal 29 ini).